



قلنتا بروني Pelita Brunei


DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 22

RABU 1HB JUN, 1983.

رابعو 19 شعبان 1403

PERCUMA



Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

1hb Januari 1984

Brunei ambil alih semula secara penuh tanggungjawab antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN 24HB MEI

merdeka. Maka hari kemerdekaan bagi negara Brunei Darussalam yang tercinta ini jatuh pada 1hb. Januari 1984.

Tarikh gemilang yang ditunggukan itu telah diumumkan oleh Pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz se-

jurus sebelum merasmikan pertandingan membaca Al-Quran peringkat dewasa seluruh negeri di Padang Sekolah Melayu SMJA di sini malam ini.

Hari kemerdekaan itu adalah berasaskan kepada perjanjian tahun 1979 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Diper-

tuan Negeri Brunei dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen.

Perjanjian persahabatan dan kerjasama yang ditandatangani dengan penuh istiadat itu dalam ertikata yang lain menjelaskan yang taraf negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negeri naungan

Lihat muka 20

Jangan mudah terpengaruh khabar2 angin

BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah mengingatkan rakyat dan penduduk di negeri ini supaya tidak mudah terpengaruh dengan khabar-khabar angin yang ingin mengelirukan dan mendatangkan salah faham kepada masyarakat.

Y.T.M. itu membuat ingatan demikian ketika bersabda dalam majlis penutup Pertandingan Membaca Al-Quran

Bahagian Dewasa Peringkat Negeri yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di sini.

Kita Harulah sentiasa beringat-ingat jangan bersikap terburu-buru agar tidak mudah termakan apa-apa jua pujukan yang sengahaja untuk mengelirukan kita. Langkah sedemikian adalah mustahak terutama

sekali di saat-saat kita menghadapi kemerdekaan yang tidak berapa lama lagi, sabda Y.T.M. lagi.

Y.T.M. itu juga berseru kepada kaum belia dan golongan pendidik supaya berusaha sedaya-upaya mempelajari ajaran-ajaran Al-Quran supaya generasi yang akan datang terdidik menurut ajaran-ajaran Allah dan terasah dalam batas-batas yang sesuai dengan cita-cita negara.



Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Abdul Aziz.

MANISNYA IMAN

"TIADA bercampur suatu yang halal dan haram melainkan yang haram itu mengatasi yang halal." — HADIS Nabi riwayat Jabir Al-Ju'fi daripada Ibnu Mas'ud.

"Adalah diakui bahawa kemajuan sains dan teknologi mustahak bagi kita untuk menjamin masa depan negara kita dari segi kebendaan, tetapi hendaklah jangan sekali-kali dilupakan segi rohaniah, yang mana dengan mengabaikannya, masalah yang akan berbangkit adalah lebih sulit dan lebih besar bagi pembangunan dan pertumbuhan sebenar sesuatu bangsa itu."

Menyentuh berhubung dengan pembacaan Al-Quran, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang juga selaku timbalan Sultan bersabda, adalah perlu bagi umat Islam sentiasa mengamalkan ajaran-ajaran Al-Quran dan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalamnya.

Terdahulu sebelum itu, Y.T.M. telah menyaksikan perarakan berjalan lalu oleh sebelas buah kumpulan hadrah dan tanglong termasuk barisan para peserta yang mengambil bahagian yang didahului dengan sebuah kepala perarakan yang dihiasi dengan tulisan khat nama-nama Allah s.w.t yang berjumlah kurang satu seratus yang penuh hikmat itu.

Acara majlis diikuti pula dengan sembah alu-aluan oleh Pengerusi pertandingan Y.B Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua

Lihat muka 20

DI DALAM

- Kesultanan Melayu Islam bukan konsep baru — muka 14
- Keselamatan terus terjamin — muka 15
- Pentingnya mengingat mati — muka 6
- Berdakwah kewajipan umat — muka 7
- Sukan Pelita — muka 4



1HB JUN 1983

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

HARI KEMERDEKAAN: PERHATIAN KITA IALAH PADA MENGISINYA

Sudah rasmlah bahawa hari kemerdekaan kita akan jatuh pada 1hb. Januari 1984. Pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam sempena merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negeri pada minggu lepas tentu menghilangkan tandanya mengenai tarikh tepat kemerdekaan negara ini di kalangan orang ramai di dalam dan di luar negeri.

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah yang empunya seluruh Kerajaan, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang telah mengajarkan supaya umat manusia menjalankan amanah Tuhan.

Jika tiada aral melintang, maka insya Allah pertandingan membaca Al-Quran seperti ini pada tahun hadapan akan berlangsung dalam suasana negara Brunei telah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat. Oleh yang demikian, majlis pada malam itu sepatutnya mengandungi suatu makna yang berkesan sekurang-kurangnya bagi menimbulkan kesedaran yang mendalam untuk membiasakan diri kita masing-masing menjalankan tugas dan tanggungjawab bukan lagi setakat melaksanakannya, bahkan dengan maksud menghasilkan suatu corak perkhidmatan, pekerjaan dan usaha yang memuaskan dan berkesempurnaan di sisi pandangan manusia, serta mendapat keredaan Allah pula. Langkah-langkah berkesan sepatutnya kita perderaskan bersama ke arah maksud tersebut dalam semua bidang dan oleh semua peringkat masyarakat sebagai jalan pada mengangkat mertabat masyarakat dan negara.

Menyebut tentang mertabat masyarakat dan negara itu, maka tugas kita bukan hanya untuk melahirkan bermacam-macam kemajuan, akan tetapi kita hendaklah pula menentukan agar kemajuan itu selaras dengan keperluan dan kehendak-kehendak kita sebagai sebuah negara dan bangsa yang ingin mengekalkan keperibadian kita sendiri sebagai negara yang bertuhan, bersultan, beradat dan beradab. Di samping itu kita juga harus memastikan bahawa kita akan menjunjung terus menerus hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam mempertahankan keselamatan dan ketenteraman di negara kita ini, semata-mata pada menentukan bahawa di Zaman Kemerdekaan nanti kita berhak menentukan matlamat negara kita sendiri tanpa sedikit pun bersedia untuk menerima gangguan-gangguan luar yang difikirkan boleh merosakkan keseimbangan hidup negara kita ini.

Ke arah yang disebutkan itu, maka penentuan matlamat kita sebaiknya-baiknyalah disandarkan kepada dorongan dan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam kitab suci Al-Quran, kerana kita yakin bahawa sebenarnya

Maka dengan itu rasmlah juga pada pengetahuan umum bahawa tarai Brunei sebagai sebuah negeri naungan Inggeris akan berakhir pada 31hb. Disember, 1983 iaitu menurut kuatkuasa perjanjian yang ditandatangani pada 7hb. Januari, 1979. Pada 31hb. Disember penghujung tahun ini akan tamallah "Perhubungan-perhubungan yang istimewa yang ada sekarang di antara United Kingdom dengan negeri Brunei, yang mana adalah bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa yang sepenuhnya sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka." Tegasnya mulai 1hb. Januari, tarikh kemerdekaan itu Brunei akan "mengambil alih semula dengan secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka." Perhubungan-perhubungan dengan United Kingdom selepas itu akan menepoh era baru tetapi kedua-dua Kerajaan berazam untuk mengawalinya dengan semangat persahabatan yang rapat.

Tentulah kemerdekaan itu akan dirayakan. Orang ramai sedia maklumi yang persiapan bagi perayaan itu sedang diatur, dan menurut Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar dalam ucapannya itu, Kerajaan sedang membuat persediaan yang difikirkan berpatutan dan munasabah.

Mengingat semula kepada penubuhan Jawatankuasa Kerja Sambutan Kemerdekaan pada pertengahan tahun 1981 dahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah menitahkan supaya sambil rakyat dan penduduk bergembira mengadakan berbagai-bagai perayaan jangan pula kita terlupe untuk menzahirkan perasaan kyusuk dan tawadhu kepada Allah s.w.t. pada menyambut detik yang bersejarah itu sambil menadah tangan berdoa memohonkan restu serta rahmat ke hadirat Allah s.w.t. semoga Allah akan sentiasa melindungi negeri Brunei serta isi di dalamnya dari segala bala bencana dan supaya rakyat dan penduduk negeri Brunei bertawakal serta berazam pada menghadapi masa depan negeri Brunei sebagai sebuah negara yang penuh berdaulat lagi merdeka.

Dengan demikian orang ramai tentu akan memahami bahawa kita akan merayakan kemerdekaan itu secara berpatutan dan munasabah. Sebab kita berfaham bahawa kesan kemerdekaan itu ke atas kita pada masa ini dan ke atas generasi yang akan datang bukanlah setakat kepuasan pada merayakannya tetapi yang lebih afdhal ialah kita berkewajipan mengisi dan memberinya makna yang dengan itu baharulah kita dapat

menjangkakan akan menikmati manakala negara kita benar-benar teguh, selamat.

Tugas mempertahankan keselamatan serta menjaga negara dan bangsa adalah berterusan. Di zaman tersebut akan lebih mencabar bertambahnya bebanan dan bidang-bidang tanggungjawab kita pikul dan teroka bagi bangsa dan negara yang merdeka berdaulat sepenuhnya.

Seperti yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar bahawa tugas kita bukan melahirkan bermacam-macam kemajuan akan tetapi kita hendaklah pula agar kemajuan itu selaras dengan keperluan dan kehendak-kehendak kita sendiri sebagai sebuah negara yang bertuhan, bersultan, beradat dan beradab.

Menjelang 1hb. Januari, selepas itu perhatian dan usaha kita hendaklah ditumpukan pada melaksanakan tanggungjawab mengisi dan memberinya makna pada kemerdekaan itu, mata pada memikirkan perayaan.

sesama sendiri, ikatan persahabatan, memupuk perasaan ikatan menghormati di antara sesama manusia. Pada saat-saat cabaran dan ujian itu hendaknyalah kita menumpukan kepercayaan dan tidak syak-wasangka orang yang difikirkan menghadapi cabaran itu masyarakat yang mempunyai tinggi adalah mampu mengawal diri dan kejahatan; bagi secara mahupun perkumpulan pinan. Dengan bersandarkan hukum Allah, sifat-sifat akan dapat tumbuh dan kalangan masyarakat kita.

Hingga pada waktu ini seluruh masyarakat di Brunei mengetahui bilangan Brunei akan Merdeka pada menjunjung titah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Brunei Darussalam dalam perjanjian persahabatan yang telah ditandatangani Kerajaan Baginda Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan tahun 1979, syarat-syarat dengan Kerajaan tersebut berjalan kuatkuasanya pada 31 hari bulan Disember 1983. Di titikata lain, tarai Brunei Darussalam sebagai naungan akan berakhir hari bulan Disember, 1983 yang demikian, mulai 1hb. Januari, 1984, dengan bersejajarnya Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula penuh tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka dan merdeka. Maka bagi Negara Brunei Darussalam ini ialah jatuh pada 1hb. Januari, 1984. Perayaan kemerdekaan Brunei Darussalam akan diadakan empat minggu kemudian Khamis, 2 hari bulan Januari. Sebagaimana yang sedia ada seluruh masyarakat di Brunei Darussalam sedia persediaan-persediaan berpatutan dan munasabah.

Akhirnya, saya dengan mererekodkan ucapan Pengerusi dan Ahli-ahli Pertandingan malam ini melafazkan: Bismillah. Rahim saya rasmikan dengan Membaca Al-Quran negara ini.

Untuk mertabat masyarakat dan negara

DERASKAN LANGKAH2 BERKESAN

Berikut ucapan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd Aziz di Majlis Perasmian Pertandingan Membaca Al-Quran peringkat dewasa bagi seluruh negeri pada 24hb Mei 1983.

kita telah sampai kepada suatu peringkat yang lebih mendesak untuk memanfaatkan ajaran-ajaran Allah di dalam kitab Al-Quran itu, dengan keyakinan bahawa pengajaran sedemikian itu tidak akan menyebabkan kita menemui apa jua kesulitan dalam menghadapi di pertembungan hidup baru di Zaman Kemerdekaan penuh lagi tulen itu.

Tanggungjawab dan cabaran kemerdekaan tidak seharusnya hanya merupakan sesuatu yang akan diperbincangkan, akan tetapi seharusnya menjadi sesuatu yang mesti dirasakan, difikirkan dan dilaksanakan. Adalah menjadi suatu kesilapan yang amat ketara sekiranya tanggungjawab dan cabaran itu dianggap sebagai perkara yang mudah, atau perkara yang boleh dilepaskan serta dibebankan kepada satu-satu pihak tertentu sahaja, kesilapan itu ialah kerana kemerdekaan sebenarnya memerlukan rasa menghargai dan rasa terlibat serta rasa ingin memenuhi dan mengisinya di kalangan seluruh masyarakat yang sadar dan bertanggungjawab. Untuk maksud inilah, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sedang dan akan terus menerus memusatkan lagi berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan supaya masyarakat di negara ini di zaman kemerdekaan nanti mempunyai kemampuan bukan hanya untuk mendukung perkembangan itu bahkan juga membuka berbagai-bagai usaha dan pekerjaan dalam lain-lain sektor persendirian dan swasta.

Sekurang-kurangnya ada dua unsur yang akan menyebabkan tanggungjawab kita di zaman kemerdekaan itu semakin bertambah dan mencabar. Unsur pertama ialah keinginan kita untuk membuktikan kesanggupan kita sebagai bangsa merdeka yang berupaya meneruskan perkembangan dan pembangunan bagi memenuhi keperluan material yang sebanding dengan lain-lain bangsa yang merdeka dan berdaulat. Unsur kedua ialah kehendak kita untuk mempunyai suatu pendirian yang terus-menerus mempertahankan kehalusan tradisi yang bersandarkan kekayaan rohani. Kedua-dua unsur ini bukan sahaja mustahak bahkan wajib dijayakan.

Atas kesedaran seperti itu, maka hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pada menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap bagi negara ini sangatlah tepat sebagai jalan pada menyakinkan diri kita masing-masing bahawa sebagai suatu bangsa dan negara yang merdeka penuh lagi berdaulat, maka mertabat kita tidak hanya terletak pada kebudayaan kita menunjukkan kemajuan material semata-mata, bahkan ialah juga pada keupayaan kita bagi mengimbangkannya dengan kesempurnaan rohani sebagai suatu bangsa yang akan turun-temurun berpegang kepada agama, setia kepada Raja, beradat dan bersusila.

Masyarakat yang mempunyai mertabat yang tinggi adalah menjadi matlamat kita semua: Iaitu mengutamakan perpaduan yang kuat

Jalankan tugas dengan iman dan takwa

Lawatan sambil belajar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekali lagi kita harus berusaha menegakkan tugas dan kewajipan masing-masing dengan berpegang di atas perintah Allah dengan iman dan takwa. Kita harus berusaha untuk menegakkan perintah Allah dengan iman dan takwa. Kita harus berusaha untuk menegakkan perintah Allah dengan iman dan takwa.

mencapai perasaan aman dan tenteram, kerana sifat takwa itu sendiri akan dapat menguatkan lagi keimanan kerana setiap manusia yang takwa itu akan sentiasa takut kepada Allah dengan mengerjakan segala titah perintah-Nya dan takut pula melakukan dosa sehingga meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya.

"Dengan demikian hubungan di antara dirinya dengan Allah dirasakannya begitu rapat, dan hubungannya dengan manusia akan sentiasa hormat dan mesra."

"Orang yang mengharapkan pertolongan dan pembelaan dari Allah akan sentiasa mengingati Allah dalam segala segi dan dalam setiap amalan dan perbuatannya, dan insya-Allah, Allah akan mengurniakan rahmat dan taufik-Nya," jelas Yang Berhormat itu lagi.

Menyentuh berhubung dengan pembacaan Al-Quran di negeri ini Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja berkata, Jabatan Hal Ehwal Ugama sejak awal tahun 1978 telah mengumpulkan qari-qari dan qariah-qariah seluruh negeri yang pernah menjadi johan dan naib johan

dan orang-orang yang difikirkan mempunyai kebolehan dan harapan untuk mengikuti kelas mempertinggi mutu pembacaan Al-Quran yang dinamakan Majlis Qurra.

Usaha majlis qurra itu kata Yang Berhormat Pehin telah membuahkan hasil yang baik sehingga beberapa orang qari dan qariah kita telah berjaya di peringkat antarabangsa.

Walaupun pertandingan membaca Al-Quran di berbagai peringkat dapat diadakan setiap tahun dengan jayanya, namun demikian Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu belum berpuashati kerana katanya banyak lagi kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki di segenap segi yang memerlukan usaha gigih tanpa jemu-jemu dari para qari dan qariah kita.



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Penuntut MPUSB lawat Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan seramai 26 orang penuntut dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kini berada di Semenanjung Malaysia untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Malaysia dan Singapura selama se-

minggu.

Rombongan yang diketuai oleh Pengetua Maktab berkenaan, Awang Haji Md. Jali bin Abd Latif dan disertai oleh dua orang pensyarah itu bertolak meninggalkan Brunei pada hari Ahad lepas.

Negeri-negeri yang dilawati di Malaysia ialah Johor, Pulau Pinang, Perak dan Kuala Lumpur.

Semasa berada di Johor, rombongan tersebut melawat Sekolah Agama Bukit Zaharah dan beberapa tempat yang menarik.

Di Pulau Pinang pelawat-pelawat tersebut melawat Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia dan tempat-tempat menarik.

Dari Pulau Pinang rombongan tersebut bertolak ke Tanjong Malim di mana mereka melawat Maktab Perguruan Sultan Idris.

Semasa berada di Kuala Lumpur mereka akan melawat Maktab Perguruan Islam, Maktab Perguruan Bahasa dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping itu mereka juga melawat beberapa tempat yang menarik di ibu negeri Malaysia itu.

Pada hari Jumaat rombongan tersebut bertolak

ke Singapura melalui Melaka.

Di Singapura rombongan tersebut akan melawat Institute of Education dan tempat-tempat yang menarik di republik itu.

Rombongan penuntut itu akan balik pada hari Ahad 5hb. Jun.

Israk Mekraj AMDB

BERAKAS — Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei di sini pada 19hb. Mei lepas telah mengadakan sambutan Israk dan Mekraj bertempat di Dewan Pahlawan, Berakas Garison di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Awang Haji Abd. Saman bin Kahar, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang juga telah menyampaikan satu syarahan khas berhubung dengan peristiwa Israk dan Mekraj Rasul Junjungan Muhammad s.a.w.

Dalam majlis itu juga telah diadakan majlis bertafakur dan membaca Al-Fatihah untuk perajurit-perajurit yang telah kembali ke rahmatullah.

Kira-kira lima ratus orang perajurit termasuk pegawai-pegawai kanan pasukan telah hadir di majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN. — 23 orang penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri minggu lalu mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan di sini.

Kumpulan yang terdiri dari ahli-ahli Badan Sains sekolah tersebut telah diketuai oleh guru mereka, Awang T.K. Choo.

Mereka terlebih dahulu telah mendengar taklimat mengenai struktur pentadbiran serta fungsi dalam setiap unit yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awg. Yusof bin Ladi.

Kemudian mereka meninjau beberapa unit bahagian Penerangan, yang antaranya termasuk Bahagian Penggambaran, Bahagian Penerbitan dan lain-lain lagi.

Mereka juga telah diserikan dengan jamuan ringan serta temu mesra dengan Pengarah Penerangan, Awg. Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan beberapa orang Pegawai Penerangan yang lain.

Dalam temu mesra tersebut, Pengarah Penerangan telah menegaskan tentang pencapaian kemerdekaan Negeri Brunei, yang menurutnya adalah menandakan suatu perkembangan yang penting dalam sejarah perhubungan negeri ini dengan Great Britain yang dengan sendirinya akan memperluaskan lagi bidang-bidang tanggungjawab kita.

Katanya lagi, aspek kedua yang berbangkit dari pencapaian kemerdekaan ialah dengan adanya "expectation" atau jangkaan rakyat terhadap kemerdekaan itu adalah merupakan cabaran yang tidak dapat dielakkan yang akan mempengaruhi corak dan cara kita menyesuaikan diri ke dalam suasana yang baru setelah merdeka.

Beliau juga menjelaskan kepentingan pembangunan bangsa atau "nation building" dalam masa depan negara kita bukan sahaja bergantung sepenuhnya pada hasil bumi seperti minyak dan gas, tetapi adalah pada keupayaan bangsa kita memajukan dari sendiri menerusi kaedah dan cara atau sistem yang sesuai dengan kehendak yang berbangkit.

KETETAPAN KERETA TOYOTA DAN NISAN

Pengawal Harga telah bersetuju meluluskan/menetapkan harga-harga kereta yang dijual di atas masing-masing dari Syarikat "NBT" dan "Boustead Marketing & Management Services". Rombongan harga-harga yang dinyatakan di bawah ini bermula dari tarikh kereta-kereta tersebut diserahkan/dijual pertama kalinya di Brunei seperti berikut:—

Syarikat NBT (Brunei) Ltd:—		
KERETA		
	HARGA JUALAN (Showroom Selling Price)	HARGA JUALAN PENUH (Selling Price On The Road)
TOYOTA TERCEL DX (A/Cond)		
— AL HR — ZHMS	\$11,900.00	\$12,546.00
TOYOTA TERCEL 4 X 4 S/WAGON		
— AL HRG — ZWFS	\$15,750.00	\$16,627.00
TOYOTA COROLLA COUPE		
— KE 20R — ECMDS	\$13,150.00	\$13,875.00
TOYOTA CELICA LIFTBACK		
— KA 60R — BLMS	\$17,000.00	\$17,912.00
TOYOTA CELICA SUPRA		
— MA 60R — BLMQFW	\$24,800.00	\$26,007.00
BOUSTEAD MARKETING & MANAGEMENT SERVICES PTE LTD.		
— MARCH (A/Cond)		
— KINCT (1,600 c.c)	\$10,250.00	\$10,757.00
— LEONARD (Auto)		
— PTHAL (2,000 c.c)	\$25,150.00	\$26,121.00

Orang ramai bahawa setiap buah jenis kereta yang telah diluluskan/tetapkan harga akan diberi tanda harga yang telah dicap dan ditandatangani oleh pihak Pengawal Harga. Dan itu orang ramai khususnya pembeli adalah diminta memberikan kerjasama kepada Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan telefon nombor 25555. Bandar Seri Begawan, Brunei, mana-mana ejen penjual kereta yang didapati memberi tanda harga atau memberi tanda yang tidak mempunyai cap dan tandatangan Pengawal Harga dengan seberapa segera yang boleh bagi penyiasatan dan tindakan seterusnya.

SUKAN PELITA

Kelolaan :
Manaf Rahman



LATIHAN tarik kalat juga berguna terutama menguatkan otot ketika berkayuh.



BEGITU gigih skuad lumba perahu naga ketika menjalani salah satu latihan.

SKUAD LUMBA PERAHU ADAKAN LATIHAN KERAS

PERSEDIAAN kini sedang diatur termasuk latihan-latihan keras oleh skuad lumba perahu Brunei bagi menyertai perlumbaan perahu naga antarabangsa Singapura pada 12hb. Jun ini.

Skuad yang mengandungi seramai 30 orang pelumba dan pegawai itu telah menjalani latihan intensif sejak awal Januari lepas setelah jawatankuasa pemilihan membentuk satu pasukan pelumba.

Pemilihan kali ini diperkirakan lebih ketat dengan menghadkan purata umur 45 tahun kebawah dengan berat badan tiap pelumba tidak melebihi 160 paun dan mereka sebelumnya juga telah diuji berkayuh

dengan kecepatan masa pada jauh kayuhan yang dihadkan.

Latihan-latihan mereka kali ini adalah lebih sistematik dan berperingkat. Skuad tersebut telah menjalani latihan daya ketahanan (fitness training), teknik dan berkayuh tiga kali seminggu sejak Januari lepas.

Latihan berkayuh bermula bulan Mach dengan latihan fizikal di darat dan yang lainnya termasuk berkayuh dengan mencatat masa kelajuan, jangka panjang iaitu jauh yang akan diperlumbakan di Singapura nanti sejauh 900 meter dan juga latihan berkayuh pantas (sprint).

Sebelum berlepas ke Singapura nanti skuad ini

sekali lagi akan menjalani latihan sebanyak lima kali dan membiasakan diri dengan membuat latihan singkat di Singapura nanti.

Pg. Hj Tuah bin Pg. Hj. Md. Daud selaku ketua rombongan nanti mengharapkan dengan latihan yang dijalankan Brunei akan berjaya atau sekurang-kurangnya mencapai kedudukan yang lebih baik dari tahun lepas iaitu tempat keempat.


"Pada tahun lepas, Brunei menduduki tempat kedua dalam acara 'Merlion Friendly' dan keempat dalam 'international'. Tahun ini Brunei hanya mengambil bahagian dalam acara international saja," jelasnya.

Ini adalah buat kali

kedua Brunei dijemput dan akan bertanding dengan sebelas negeri lain termasuk tuan rumah Singapura, Australia, Hongkong, India, Indonesia, Jepun, Macao, Oakland (Amerika), Malaysia, New Zealand, dan Thailand.

India, Thailand dan New Zealand adalah buat pertama kalinya menyertai perlumbaan tersebut.

Rombongan pelumba itu akan berlepas pada 9hb. Jun depan dan kembali pada 14hb. Jun.



BERLARI juga diperlukan demi untuk mendapatkan tenaga yang cukup.

Kontinjen Brunei ke Sukan

KONTINJEN Brunei ke Sukan SEA kali ke-12 di Singapura mengandungi seramai 155 orang kini sedang berada di republik itu bagi mengambil bahagian dalam 10 acara dari 18 acara yang dipertandingkan.

Kontinjen Brunei yang diketuai oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Husien mengambil acara-acara bolasepak, bolatampar, badminton, sepak takraw, hoki, bolajaring, tinju, olahraga, sukan air dan polo serta pingpong.

Dalam acara olahraga pasukan Brunei akan menyertai dalam 12 acara padang dan trek. Ini termasuk 100m, 200m, 400m, 800m, 1,500m dan 5,000 meter.

Juga acara lari berganti-ganti 4 x 100 meter, 4 x 400 meter, lompat pagar, lompat tinggi, lompat jauh dan lompat kijang. Dan Brunei mengemukakan seramai 27 olahraga dalam acara ini.

Sementara tinju diwakili oleh 10 orang peninju, pingpong seramai lima orang, sukan air enam orang dan skuad hoki,

bolasepak, bolatampar, badminton dan bolajaring.

Kejohanan tersebut akan berlangsung selama 10 hari bermula dengan pembukaan rasminya pada 28hb Mei lepas dan berakhir pada 6hb. Jun

peserta.

JKBS juara liga jabatan kerajaan

KEJOHANAN bolasepak antara jabatan-jabatan kerajaan Daerah Belait berakhir pada 22hb. Mei lepas dengan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan menjuarainya setelah menumpaskan Kerja Raya A di pertandingan akhir.

Bagaimanapun permainan yang begitu rancak terpaksa berlanjutan kepada masa tambahan setelah kedudukan seri 2-2 setelah permainan 90 minit.

Namun tambahan masa 30 minit gagal memecahkan kebuntuan jaringan dan kedua pasukan juga gagal menembusi benteng pertahanan lawan masing-masing.

Jabatan Kebajikan Belia

dan Sukan Belait meraih kemenangan melalui tembak 4-0 dan menang dengan 6-2.

Kejohanan kali kedua ini diorganisir oleh BDAFA bagi memperingati 10 tahun lepas Jabatan Belia dan Sukan.

Hadiah kemenangan dipaikan oleh Daerah Belait. Tindakan ini menyemangatkan bagi kejayaan Chung Pau yang dimenangi Gema, Super FC dan China Steel.



PENGARAH Kebajikan Belia dan Sukan menerima baris lalu dari rombongan Lembaga Letrik Negara, Kuala Lumpur.

SUKAN ANTARA PERBADANAN LETRIK

SUKAN antara perbadanan Elektrik Malaysia-Brunei kali ketiga telah berlangsung selama empat hari bermula 22hb. hingga 25hb. Mei lepas bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan telah merasmikan kejohanan tersebut yang mempertandingkan sebanyak sem-

bilan acara termasuk bolasepak, bolatampar, bolakeraanjang, pingpong, catur, tarik kalat, tenis, renang, dan sepak takraw.

Buat kedua tahun berturut-turut Lembaga Letrik Negara, Kuala Lumpur berjaya menggon-dol kejuaraan dengan mengutip mata keseluruhan sebanyak 58 mata. Diikuti oleh Perbadanan Perkhidmatan

Letrik Sarawak dengan 57 mata, Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik Brunei 32 mata dan Lembaga Letrik Sabah 22 mata.

Penyampaian hadiah-hadiah telah diadakan di Dewan Pusat Tingkatan Enam, Gadong dan kejohanan serupa ini akan diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada tahun hadapan.

ANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...

MANDI AIR SEMBILAN

(Sambungan)

Siri ke-185

dalam perkara ganjil yang tiada dalam ajaran Islam. Mandi seperti ini adalah direka-reka oleh anak buah dajal-dajal dan pendusta-pendusta. Ulama Islam sependapat mengatakan bahawa mandi air sembilan itu adalah karut dan tiada disebutkan dalam Islam.

Daripada sahabat Ibnu Umar (Radhiallahu Anhu) katanya Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) telah bersabda yang ertinya: "Hai Umat Islam ikutilah hamu akan perjalanan Ulama-ulama

Ilmu Islam dalam perkara agama, maka bahawasanya barangsiapa membuat sesuatu yang ganjil dan luar dari agama Islam, maka dia orang yang ganjil dan tempatnya di neraka." (Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah).

Setiap orang Islam hendaklah mengikut Al-Quran dan Hadis, Tafsiran-tafsiran Quran dan Hadis itu telah diterangkan oleh Ulama-ulama Islam dalam kitab-kitab mereka, seperti dalam Kitab-Kitab Tafsir

jangan diikuti keterangan sebarang orang atau sebarang kitab atau buku atau sebarang majalah dan akhbar yang ditulis oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab kerana bukan semua buku-buku dan kitab-kitab itu betul dan benar, setengah penulis atau pengarang ada yang ahli bidaah, sesat dan mengikut sesuka hati atau sedap mulut sahaja dengan tiada berdasarkan kepada pendapat-pendapat ulama yang benar serta diakui betul ilmunya.

Jelasnya keterangan-keterangan Ulama dalam kitab-kitab mereka itu adalah berpandukan hukum-hukum Islam dari Al-Quran dan Hadis, dan Kitab-Kitab Fiqh yang menyatakan hukum halal haram ibadat, jual beli, nikah kahwin, makanan, pakaian, perkara-perkara mahkamah, perkara jenayah-jenayah yang melibatkan nyawa, harta, nisab(keturunan), dan akal.

Mandi air sembilan itu adalah sesat dan karut. Cara-cara mandi, kata-kata, doa dan bacaanya itu semua karut dan sesat



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abd. Aziz, Muti Kerajaan Brunei.

keluar dari ajaran Islam. Oleh yang demikian beramal dengan ajaran mandi air sembilan itu adalah sesat dan boleh membawa kafir dan keluar dari Agama Islam.

WALLAHU A'ALAM

2,205 ORANG DAFTAR TUNAI HAJI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 2,205 orang telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji ke Mekah tahun ini, angka tertinggi adalah yang terbanyak sejauh ini.

Jumlah tersebut seramai 554 orang terdiri dari pegawai-pegawai kerajaan termasuk yang telah bersara bersama isteri masing-masing yang mendapat kurnia tambang menunaikan fardu haji dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Angka dalam angka bagi orang dewasa, \$1,200.00 bagi kanak-kanak yang berumur 2 hingga 12 tahun dan \$240.00 bagi kanak-kanak di bawah umur 2 tahun.

Jabatan Hal Ehwal Ugama juga mengumumkan kadar bayaran bank draft bagi tiap-tiap seorang bakal-bakal haji ialah sebanyak 4,970.00 rial yang dianggarkan bersamaan dengan \$3,230.00 wang Brunei.

Bakal-bakal haji Brunei

itu dijadualkan bertolak meninggalkan tanahair dengan penerbangan yang pertama pada 24hb. Ogos depan. Mereka dijangka akan diangkut sekurang-kurangnya dengan empat penerbangan setiap hari dari penerbangan pertama.

Jemaah haji itu dijangka berada di tanah suci selama kira-kira 35 hari berbanding dengan tahun lepas selama 42 hari, ini bermakna seminggu lebih cepat dari tahun lepas.

Jabatan Hal Ehwal Ugama meminta semua bakal-bakal haji menjelaskan bayaran tambang masing-masing dengan membawa pasport untuk urusan membuat bank draft di Jabatan Hal Ehwal Ugama. Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 dan 1.30 hingga 2.30 petang pada tiap-tiap hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis. Manakala pada hari Sabtu pembayaran boleh dibuat mulai jam 8.00 hingga 10.30 pagi. Pembayaran boleh juga dilakukan pada hari Jumaat mulai jam 8.00 hingga 11.00 pagi pada tarikh-tarikh yang disebutkan di bawah ini.

Pada 1hb. Jun, hari Rabu untuk bakal-bakal haji di Brunei dan Muara yang bilangan pendaftaran bermula dari 101 hingga 250. Hari Khamis,

2hb. Jun untuk bakal-bakal haji yang pendaftaran tarannya 251 hingga 400. Hari Jumaat 3hb. Jun bagi mereka yang bilangan pendaftaran tarannya 401 hingga 550, 551 hingga 700 hari Sabtu, 4hb. Jun, 701 hingga 900 hari Isnin 6hb. Jun, 901 hingga 1,100 7hb. Jun bersamaan hari Selasa.

Pada hari Rabu 8hb. Jun bagi bakal-bakal haji yang pendaftaran tarannya 1,101 hingga 1,300, 1,301 hingga 1,500 pada hari Khamis 9hb. Jun, 1,501 hingga 1,650 hari Jumaat 10hb. Jun, hari Rabu 15hb. Jun, bagi bakal-bakal yang nombor pendaftaran tarannya 1,651 hingga 1,780 bagi daerah Brunei dan Muara dan semua bakal-bakal haji daerah Temburong.

Pada hari Khamis dan Jumaat 16hb dan 17hb. Jun bagi bakal-bakal haji di daerah Tutong yang pendaftaran tarannya bermula dari 1 hingga 200 dan 201 hingga 290.

Sementara bakal-bakal haji di daerah Belait dikehendaki menjelaskan bayaran tambang tersebut pada hari Sabtu 18hb. Jun ini.

Bakal-bakal haji yang menerima Kurnia Tambang dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan kurnia tambang kerajaan dikehendaki mengambil kurnia tambang tersebut di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan mengikut bilangan pendaftaran masing-masing pada hari-hari yang disebutkan untuk menyerahkan wang tambang dan draft itu.

Kebawah DYMM kurnia tambang haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei melalui Majlis Ugama Islam Brunei telah berkenan mengurniakan tambang untuk menunaikan fardu haji ke Mekkah kepada seramai 62 orang rakyat Baginda.

Dari jumlah tersebut enam orang daripadanya saudara-saudara baru Islam (Muallaf). Enam orang Muallaf itu juga menerima kurnia sebanyak \$2,000.00 tiap seorang dari Majlis Ugama Islam untuk perbelanjaan mereka semasa berada di tanah suci.

Wang tersebut dikeluarkan dari kumpulan wang kutipan zakat dan fitrah di mana saudara-saudara baru itu berhak mengikut pembahagian asnaf di mana menurut hukum syarak.

Senarai nama-nama penerima kurnia tambang tersebut ialah seperti berikut:-

Awang Ibrahim bin Sapat @ Sunggoh, Dayang Nafsiah bte Samad (isteri kepada Awang Ibrahim), Dayang Norsiah bte Ibrahim (anak kepada Awang Ibrahim), Pengiran Damit bin Pengiran Metassan, Awang Mahadi bin Hussein, isteri kepada Awang Mahadi bin Hussein, Awang Sahak bin Mohamad, Ali bin Jambol, Imam Abu Bakar bin Idris @ Zainal, Dayang Chichi bte Yusuf (isteri Imam Abu Bakar bin Idris), Abd. Razak bin Zainal, Hamdiah bte Mohtaha (isteri Abd. Razak bin Zainal), Dayang bte Abd Rahman @ Dayang Intan (isteri Haji Salleh, Merbut Masjid Omar Ali Saifuddin, Brunei, Mahari bin Tahir, Saribulan bte Ra'ais (isteri Awang Mahari), Dayang Sara bte Haji Ahmad (isteri Haji Mohd. Tahir bin Tengah, (Khatib Masjid Sufri Bokliah, Brunei), Pengiran Tajuddin bin Pengiran Haji Tengah, Pg. Siti Khatijah bte Pengiran Bendahara Pg. Anak Abdul Rahman (isteri Pengiran Tajuddin bin Pengiran Tengah), Abd. Rahim bin Ahmad, Awang Kula bin Wahab, Orang Kaya Setia Utama Basah bin Orang Kaya Jait, Dayang Rabbiah bte Selamat (balu Allahyarham Orang Kaya Indera Perkasa Sahari bin Karim), Mohammad bin Maludin, Awang Sulaiman bin Mahmud, Pg. Mohd. Salleh bin Pg. Mohd Daud, Awang Latib bin Awang Sulaiman, Pengiran Ibrahim bin Pg. Ahmad, Awang Simpol bin Duraman, Awang Sapat bin Adol, Abu Bakar bin Haji Ahmad, Siput bin Abdullah @ Mustapa, Buntar bin Ishak, Awang Tujuh bin Dullah, Salleh bin Jambo, Awang Hamid bin Pengiran Tamin, Pengiran Petra bin Pengiran Kahar, Awang Ahim bin Ahad, Awang Abd. Rahman bin Ismail, Awang Yusuf bin Haji Malim, Abd. Ghani bin Idris, Md. Yusuf bin Bidin, Awang Adam bin Langgar, Seia bin Hiram @ Yahya, Awang Salleh bin Awang Taha, Tamat bin Langsa, Matassan bin Jaludin, Lakim bin Mangsor, Dayang Besar bte Taha, Dayang Tuah bte Ghafor, Udin bin Lichong, Lahak bin Metassim, Dayang Damit bte Kurus, Mohd. Taib bin Lahab, Pengiran Ludin bin Pg. Langgar, Ahad bin Lamit, Bakar bin Tudin, Osmara bin Abdullah, Hamidah bte Abdullah, Abdul Hamid bin Md. Zain, Mohd. Kasim bin Abdullah, Arisah bte Abdullah, Jijah bte Selamat.


Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 1hb Jun, 1983 hingga hari Selasa 7hb Jun, 1983 adalah seperti di bawah

	Matahari					
Zaman	Aziz Magrib	Iyyak	Imsak	Subuh	Terbit	
12.24	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06
12.24	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06
12.24	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06
12.24	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06
12.24	3.45	6.35	7.47	4.37	4.52	6.06
12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06
12.25	3.45	6.36	7.48	4.37	4.52	6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong ditambah tiga minit pada tiap-tiap

Jumaat di seluruh Negeri Brunei di tambah tiga minit pada tiap-tiap



MARILAH sama-sama kita bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya, mudah-mudahan dengan itu kita akan berada sentiasa di dalam peliharaan dan pertolongan-Nya jua.

Baru beberapa hari telah berlangsung pertandingan membaca kitab suci Al-Quran bagi peringkat orang-orang dewasa Tahun 1403/1983. Tema pertandingan ini berbunyi: "Dapatkan pertolongan dan pembelaan Allah dengan bertakwa".

Huraian-huraian mengenainya telah sama-sama kita dengar, dan dapatlah kita kesimpulan, bahawa mertabat dan keselamatan umat Islam ini hanya akan diberikan oleh Allah bilamana mereka bertakwa. Takwa itu ertinya taat, tunduk menjunjung titah perintah Allah, takut akan azab-Nya, mengawal dan memelihara diri dari

segala rupa maksiat, tidak ada tolak-ansur dalam memerangi kejahatan dan mungkar di dalam hidupnya. Inilah dia makna takwa. Jika ada syarat-syarat ini, pasti apa yang disebut pertolongan dan pembelaan Allah itu akan datang kepada kita dengan tidak usah diragukan lagi. Firman-Nya, tafsirnya:

"Dan Allah itu hanya akan membela, jadi

pembela kepada orang-orang yang bertakwa sahaja." Ertinya, tidak ada sama sekali jaminan pembelaan itu akan datang kepada orang derhaka, kepada orang-orang yang melanggar hukum-hukum Tuhan. Tidak akan ada perlindungan buat mereka. Yang ada ialah azab, balasan buruk. Sama ada akan diterima di dunia ini lagi atau pun di akhirat sebagaimana firman Allah tafsirannya:

"Kemudian Allah lepaskan, bebaskan orang-

orang yang bertakwa itu daripada kesengsaraan, daripada api neraka, sebaliknya orang-orang zalim, orang-orang bersalah dan derhaka pula akan Allah biarkan mereka itu terus berlutut di dalamnya."

Banyak lagi ayat-ayat yang menerangkan tentang takwa itu di dalam Al-Quran, yang berupa khabar kegembiraan, yang boleh memerangsangkan semangat bertakwa kepada orang-orang Islam, jika mereka memerhatikannya dengan saksama. Sifat

takwa dapat menarik kecintaan Allah terhadap hamba-Nya. Kerana itu orang yang takwa itu diberi-Nya pangkat yang setinggi-tingginya di sisi-Nya, sebagaimana firman-Nya, tafsirnya:

"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang paling banyak takwanya kepada Allah."

Sebagai mendukung hasrat bersama, hasrat orang-orang Islam seluruhnya ingin mendapatkan perlindungan dan

keselamatan benarnya patutlah orang-orang hanya akan kita taat kepada Allah cara lain rahmat Allah itu murah, tidak ada apa jua susah untuk melainkan Dengan menolakan kehendak-Nya tiasa membela

MERTABAT DAN KESELAMATAN BAGI YANG BERTAKWA

PENTINGNYA MENINGGAT MATI

Oleh : Mohd. Ali Haji Sabtu

Kematian itu, adalah berakhirnya hidup di dunia dan bermulanya pula hidup di akhirat. Di antara kedua kehidupan ini iaitu kehidupan dunia dan akhirat amat jauh perbezaannya jikalau dibandingkan kepada pengertian dari hakikat keduanya. Dari segi syarak hidup di akhirat adalah suatu yang kekal daripada hidup di dunia. Sedangkan hidup di dunia hanyalah sebagai jambatan untuk kita menyeberangi alam akhirat itu.

Perlunya kita mengetahui dan memikirkan persoalan mati, kerana mati adalah penyudah matlamat hidup, selain dari itu, kehidupan sesudah mati adalah tidak menarik bahkan ianya menakutkan dan mengerikan, walaupun begitu, kita (orang-orang Islam) diwajibkan oleh syarak supaya sentiasa mengingati mati.

Tujuan mengingati mati adalah untuk menimbulkan kesedaran, keinsafan serta menyedari akan kehidupan seharian untuk kebaikan serta keuntungan kita juga, demi untuk menuju ke satu jalan yang dinanti-nantikan iaitu alam syurga. Rasulullah s.a.w. pernah bersabda "Bila hati seseorang sudah dimasuki oleh Nur (cahaya) maka hati itu akan menjadi lapang dan terbuka." Setelah mendengar sabda Rasulullah itu, orang

ramai bertanya, apakah tandanya hati yang lapang dan terbuka, setelah mendengarnya. Rasulullah menjawab: "Ada perhatiannya terhadap kehidupan yang kekal di akhirat nanti dan timbul kesedaran dan pengertian terhadap tipu-daya kehidupan di dunia sekarang, lalu dia bersedia menghadapi mati sebelum datangnya mati." (Hadis riwayat Ibnu Jarir).

Orang yang selalu mengingati mati akan mempergunakan waktu hidupnya dengan sebaiknya, dan tidak mahu membuang masa kepada perkara-perkara tidak berfaedah, dengan sesuatu pekerjaan boleh berhasil dengan baik. Dengan mengingati mati juga akan menambahkan cinta kasih-sayang kepada anak-anak, isteri serta keluarga, kerana dengan yang demikian itu akan terbayanglah kepada kita, barang yang disayangi yang terpaksa ditinggalkan semata-mata untuk kembali kepada Allah.

Selain dari itu mengingati mati boleh membentuk peribadi yang sederhana, tidak sukan kemewahan, kerana kemewahan di dunia adalah tidak kekal, tetapi kemewahan di akhirat adalah kekal untuk selama-lamanya. Memperingati mati boleh

menghindarkan diri dari mencari kemewahan secara tidak halal atau tidak dibenarkan oleh syarak, selain itu juga boleh membentuk seseorang itu bermoral tinggi, sabar, bersopan-santun, lemah-lembut, hormat dan bersikap tenang dalam tiap-tiap perkara yang dikerjakan, dengan kata lain untuk membentuk budi pekerti yang baik dan untuk menghindarkan diri dari sifat-sifat tamak, sombong, bongkak, angkuh dan sifat-sifat buruk yang lain.

Mengingat kematian boleh menguatkan jiwa seseorang menambah ketabahan hati, tidak takut menghadapi hidup dan tidak lekas berputus-asa, dengan keadaan begini akan menghindarkan diri daripada hidup bermalas-malas, berpoya-poya ke sana ke mari, sehingga lupa akan maruah diri.

Orang yang terlalu banyak memikirkan soal-soal kehidupan boleh menyebabkan ia terlupe kepada soal-soal kematian kalau difikirkan keadaan hidup sesudah mati dalam pengertian yang ia akan diberikan pembalasan tidak dapat dibuktikan pada waktu ini, tentunya

tidak akan terfikir atau difahami oleh orang-orang yang tidak mengetahui tentang kematian.

Allah berfirman yang bermaksud: "Di mana saja kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, meskipun kamu berada di dalam benteng yang tinggi lagi kukuh." (Surah An Nisa ayat 78).

"Tiap-tiap yang bernyawa merasai mati. Dan sesungguhnya pahala kamu akan disempurnakan pada hari kiamat. Maka sesiapa yang di jauhkan darinya neraka dan dimasukkan ke syurga, sesungguhnya ia telah mendapat keuntungan dan tidak hidup di dunia ini kecuali kesenangan yang menipu." (Surah Ali-Emran ayat 185).

Kebanyakan orang-orang yang telah tersesat, akan melupai kematian, dan tidak akan mempersoalkan persoalan mati dan tidak akan meminta kematian, orang-orang yang sesat juga akan menempuh saat-saat kematian di dalam keadaan yang amat sengsara, di saat perpisahan antara roh dan jasadnya amat menyedihkan, oleh itu dapat kita simpulkan orang yang keadaan matinya seperti itu adalah semasa hidupnya banyak

melakukan dosa-dosa besar, selain dari itu di dalam hidupnya juga ia seringkali mengingkari segala ajaran-ajaran Allah, malah ia tidak mempercayai akan adanya pembalasan syurga dan neraka dan tidak ingat akan kematian. Oleh itu, kita sebagai umat Islam yang beriman akan dapat menyedari akan hakikat ini, dan sedarlah sebelum terlambat, selagi pintu taubat masih terbuka bertaubatlah dan insafilah.

Jikalau dibandingkan dengan orang yang mendekatkan diri kepada Allah, maka kematian baginya adalah di dalam ketenangan dan nikmat sekali. Demikian yang indah dijanjikan oleh Allah s.w.t. untuk orang yang membuat amal dan taat mengerjakan suruhan-Nya semasa hidupnya.

Di dalam hadis banyak menerangkan berkenaan dengan kematian para sahabat Nabi di dalam keadaan yang indah. Walaupun kematian mereka berlaku di medan perang kerana sabilillah atau di tempat yang biasa, keadaan mati mereka tidak menderitanya, malahnya tersenyum menempuh saat-saat akhir hayat mereka. Rasulullah sering saja berdoa agar dihindarkan daripada mati di dalam kesukahan dan kesakitan.

Bing
min

Islam meng
ingati mati
kita tidak b
Islam tidak m
nya menant
memasa ap
lebih-lebih
dalam taat
sebarang k
untuk mem
Selain dari
inginkan m
hidup, m
berputus-
oleh itu or
kerana tak
orang-orang
kepada All
tidak diben
dan menan
s.w.t. men
berbuat de
soalan m
Allah yang
keadaan d
keadaan or
kerana p
kerana c
gagal di d
tertekan
nya. Ker
dapat p
sekarang
sedemikian
kesenangan
purnasa
mudah dig
hawa naba
seorang
semesta
hakikat d
menghad
atau men
yang m
kesabaran

SYARAHAN KHAS ISRAK MEKRAJ BERDAKWAH KEWAJIPAN UMAT

(Sambungan)

SEKALI
DALAM
SETAHUN

setakat kebaikan dirinya sendiri sahaja bahkan ukuran kebaikan itu akan termasuk kerana perkhidmatannya kepada orang yang dipimpinnya di dalam masyarakat, tugasnya menyeru kepada kebaikan (makruf) dan menegah orang dari melakukan keburukan (munkar). Inilah sifat orang-orang Mukmin, inilah sifat-sifat para ulama yang menjadi pewaris para Nabi-Nabi, dengan sifat-sifat ini umat Islam mendapat sanjungan daripada Allah dengan Firman-Nya yang bermaksud :

"Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang buruk dan keji serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar Iman."

Ayat ini adalah suatu penekanan bahawa berdaquah adalah kewajipan umat dan kewajipan setiap orang, cuma bidang dan batas masing-masing berbeza-beza berdasarkan nikmat kuasa yang diberikan Allah kepada tiap-tiap orang itu, dengan keupayaan yang ada pada seseorang itu ia berkuasa mengubah atau mencegah kemungkaran yang berlaku iaitu dengan lidahnya; menerangkan penjelasan-penjelasan hukum mengenainya. Pendeknya tiap-tiap orang menurut cara dan keadaan yang dapat dilaksanakan sesuai dengan kuasa dan keupayaan yang dimilikinya. Tetapi kuasa yang paling rendah sekali ialah bahawa apabila seseorang itu melihat kemungkaran tetapi tidak dapat diubahnya melainkan dengan hatinya iaitu dalam ertikata bahawa hatinya, sanubarinya tidak menyukai dan memperseutujui kemungkaran itu. Andainya rasa kebencian itu pun tidak ada maka pada saat itu tunggulah kehancuran dan kebinasaan, kerana kemungkaran adalah diumpamakan seperti penyakit, penyakit yang merupakan wabak jika tidak dicegah dari awal-awal kegiatannya pasti akan melarat dan membahayakan pada diri pesakit dan orang lain juga. Dalam hal ini, Ibnu Mas'ud seorang sahabat Nabi pernah berkata yang ertinya: "Binasa lah, celakalah bagi orang yang tidak mengetahui dengan hatinya perkara



Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin ketika menyampaikan syarahan khas di Dewan Raya RTB.

baik dan buruk."

Kalau ditakdirkan di dalam sesebuah negeri itu rata-rata orang tidak lagi mengenal di dalam hatinya akan kebaikan dan erti kejahatan, maka tunggulah bahawa negeri itu akan karam. Sesebuah negeri itu, sesebuah masyarakat itu dapat diumpamakan sebagai kapal yang mana Rasulullah s.a.w. pernah menggambarkan bahawa perosak di dalam kapal itu mesti diambil tindakan ke atasnya supaya kecelakaan tidak akan menimpa kesemuanya.

Apakah maksud gambaran Baginda itu? Perumpamaan orang yang menjunjung perintah Allah dan orang-orang yang melewat atau melanggar perintah-perintah Allah adalah laksana suatu kaum yang berkongsi belayar di atas sebuah kapal. Sebahagian daripada orang-orang itu berada di atas kapal sebahagian yang lain pula berada di bahagian bawah. Orang-orang yang tinggal di bawah apabila mahu mengambil air, terpaksa menempuh jalan orang-orang yang tinggal di atas (naik ke bahagian atas kapal dahulu). Jadi terfikirilah orang-orang yang di bahagian bawah kapal ini: kalaulah kita tebus suatu lobang di bahagian bawah ini kononnya mereka tidak lagi menyusahkan orang-orang yang berada di atas kerana hendak mendapatkan air. Andainya penumpang-penumpang di bahagian bawah kapal itu berbuat sesuka hati mereka nescaya seluruh penumpang kapal itu akan binasa dan tenggelam, tetapi jika penumpang yang tinggal di bahagian atas itu membantu penumpang-penumpang yang berada di bahagian bawah, maka mereka akan selamat dan terselamat pula seluruhnya. Inilah keadaan masyarakat yang indah, masyarakat yang berkahil sayang, bukan masyarakat yang nafsu-nafsi, bukan aku aku, kau kau.

Masyarakat yang indah kerana ada peranan di dalamnya keluarga yang indah yang bersendikan iman dan takwa yang mendokong ajaran-ajaran Allah seperti yang difirmankan oleh Allah yang maksudnya: "Peliharalah diri kamu dan keluargamu dari api Neraka yang bahan-bahan bakarnya ialah manusia dan batu-batu yang dijadikan berhalu."

LUKMAN

Maka dalam hubungan memelihara keluarga ini baik kita kaitkan nama Lukman — Lukman ialah satu nama yang abadi di dalam Al-Qur'an, seorang hamba yang saleh. Sungguhpun tidak diketahui asal-usulnya, yang penting ia telah memimpin anaknya. Anak ialah sebahagian daripada anggota keluarga yang bakal menjadi dewasa, yang mungkin akan menjadi pemimpin, paling kurang menjadi teraju sebuah keluarga

pula. Di antara lain Lukman menasihati anaknya seperti yang termaktub dalam Surah Lukman sendiri sempena namanya.

Pertama: Jangan menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain kerana menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain itu suatu kezaliman yang besar.

Kedua: Berbuat baik kepada ibu bapa, lebih-lebih lagi ibu yang mengandung dengan penuh penderitaan sejak anak damit dalam kandungan sampai menyusukan bahkan sampai anak menjadi dewasa.

Ketiga: Pergauli ibu bapa dengan sebaik-baiknya, sekalipun ditakdirkan berlainan agama.

Keempat: Segala perbuatan baik atau buruk tetap dihakimkan oleh Allah sekalipun perbuatan itu sebesar zarah.

Kelima: Dirikan sembahyang, kerjakan amal makruf dan tegah nahi munkar. Dan bersabar atas segala bala bencana yang menimpa. Bahkan inilah perkara-perkara yang dikehendaki diambil perhatian.

Keenam: Jangan memandang rendah terhadap orang lain dan jangan berlagak sombong.

Ketujuh: Sederhanakan langkah perjalanan dan rendahkan suaramu.

Itulah sebahagian daripada nasihat dan ajaran Lukman yang termaktub di dalam Al-Qur'an. Dakwahnya bermula dari rumah kerana dakwah di dalam rumah itu kesannya amat besar sekali dari generasi kepada generasi yang lain. Lukman pernah berkata seperti yang dinukil di dalam kitab katanya: "Dunia ini adalah lautan yang dalam, sesungguhnya banyak manusia telah karam di dalamnya. Maka hendaklah ada perahu dari sana dengan takwa kepada Allah. Muatannya ialah keimanan dan layarnya ialah tawakkal kepada Allah. Mudah-mudahan engkau selamat dan aku — kata Lukman — tidak melihatmu sebagai orang lain yang lebih selamat di saat itu."

Oleh kerana itu jangan abaikan tiga perkara tersebut kerana kita telah pun belajar dari sejarah. Kita melihat bagaimana Qarun sepupu Nabi Musa karam dengan harta-hartanya, kita melihat Firaun dengan tenteranya karam di Lautan Merah. Kita melihat Kaum Nabi Noh karam dilanda taufan yang besar. Ada juga kaum yang karam disebabkan kecurangan dalam sukan dan timbangan dan lain-lain.

Oleh itu supaya kita tidak karam — baik karam secara sendiri atau secara umum — maka layarkan hidup ini penuh keimanan, takwa dan tawakkal kepada Allah. Masing-masing kita mempunyai peranan sekalipun hanya satu perkataan yang baik sebagaimana Firman Allah dalam Surah Az-Zariat ayat 55 yang ertinya: "Dan tetap teguh engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu memberi faedah kepada orang-orang yang beriman."

PANDUAN HAJI

Ibadah haji gambaran kehidupan akhirat

CERAMAH berikut disampaikan oleh Awang Haji Ishak bin Abdullah, Pengetua Sekolah Agama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit kepada bakal-bakal haji semasa kursus haji diadakan di Sekolah Agama Sengkurong yang baru lalu.

Pada teorinya ibadah haji juga adalah merupakan gambaran atau bayangan keadaan penghidupan di alam akhirat yang nanti semua manusia sama ada ianya beragama Islam atau berpegang kepada agama-agama selain daripada Islam akan menghadapi bila waktunya akan tiba, berhubung dengan hal ini Imam Ghazali Rahimahullah pernah menyebutkan bahawa Allah s.w.t. mengumpamakan keberangkatan para jemaah ke tanah suci untuk menziarahi Baitullah itu (pada musim haji) samalah seperti keberangkatan menuju alam akhirat.

Biasanya seseorang yang telah meninggal dunia pertama yang mesti dilakukan adalah persediaan perjalanan dan bagi ahlinya menguruskan segala kesempurnaan hukum, seperti menguruskan mandi atau menyucikannya, menyediakan pakaian (kain kafan) melakukan sembahyang jenazah, menghantar ke perkuburan dan seterusnya membuat apa yang lazim dilakukan. Maka persamaannya apa yang disebutkan oleh Imam Ghazali dengan keberangkatan orang-orang yang hendak menunaikan ibadah haji sebagaimana tuan-tuan juga maklum adalah melalui peringkat-peringkat dan keadaan yang hampir sama dipandang dari lahirnya, misalnya mengenai dengan pakaian para jemaah haji secara keseluruhannya adalah memakai kain khusus iaitu dipanggil Ihram (kain yang serba putih) adalah seakan sama dengan kain yang digunakan bagi membalut tubuh Jenazah, begitu juga ketika para hujaj sedang ukuf di Arafah adalah juga contoh perhimpunan manusia di padang Mahsyar pada hari kiamat sesudah kita dibangkitkan semula untuk menerima perintah dan balasan di sanalah segala amalan manusia di dunia ini akan ditimbang, mereka yang berat timbangannya akan menerima balasan Syurga dan mereka yang sebaliknya akan dihalaui dan dilemparkan ke dalam Neraka Jahannam.

Sebab itulah Ibadah Haji bagi orang-orang yang benar-benar mengambil berat contoh tauladan daripada ibadat ini akan timbul kesedaran dari kesan yang mendalam yang akan menanamkan keinsafan dan seterusnya dapat mengubah sikap dan menambahkan keimanan. Dengan itu mereka akan dapat menyempurnakan ibadahnya sehingga mendapat haji Mabrur. Dan orang-orang yang mendapat haji mabrur itu tiada balasan baginya kecuali Syurga sepertimana sabda Rasulullah s.a.w. yang ertinya: "Daripada satu umrah kepada satu umrah yang lain adalah dapat menghapuskan dosa, dan haji mabrur itu tiada lain balasan melainkan syurga."

Haji yang mabrur ialah haji yang tidak bercampur dengan dosa atau orang yang menunaikan ibadah haji itu tidak melakukan dosa sejak dari ianya memakai ihram sehinggalah ianya bertakhalul (membuka ihram haji).

Mestilah menjaga segala anggotanya dari melakukan sebarang pekerjaan yang boleh mencacatkan ibadah, saya tekankan di sini bahawa ketika tuan-tuan berhijrah itulah tempoh yang paling genting, masa yang paling mustahak sekali, waktu penentuan bagi ibadah tuan-tuan, makanya pada ketika itu pastikanlah tuan-tuan mengisikan setiap detik masa khususnya ketika ukuf di padang Arafah jangan sekali lalai dari mengerjakan ibadah, jangan lepaskan waktu yang sedikit itu melainkan dipenuhi dengan berzikir, bertasbeih, membaca ayat-ayat suci atau membaca doa dan sebaliknya apabila berzikir bagi orang-orang yang kurang fasih membaca dan berzikir melakukannya secara berkumpulan dan seorang daripada kumpulan itu (orang yang mempunyai pengetahuan) menjadi pemimpinnya sambil yang lain mengikut — berzikir ini sama ada dilakukan dengan membaca buku-buku panduan haji atau juga dengan cara hafalan dari buku-buku tersebut. Maka manakala membaca zikir dari selepas sembahyang subuh hingga ke waktu zuhur, selepas asar dan seterusnya sehingga berangkat ke Mina (Muna).

RTTB

Intisari minggu ini

Radio minggu ini:

RADIO MEMBAWA RAHMAT

DARI manapun permulaan perkhidmatan penyiaran radio orang memikirkan akan dapat menikmati hiburan semata-mata dari alat penyiaran itu. Tetapi tiupan angin perubahan sentiasa membawa selera manusia bertukar-tukar. Keadaan sekitar membikin manusia itu memerlukan sesuatu yang lebih dari hiburan itu. Ini ialah kerana manusia itu hidup dan mereka sentiasa dilindungi oleh masalah-masalah kehidupan kerana itu mereka sering memikirkan dan bekerja untuk kehidupan tadi.

Tenaga-tenaga dari badan penyiaran sentiasa memberikan perhatian ke atas soal ini dan mereka sentiasa berusaha agar dapat memberikan sesuatu kepada meninggikan taraf kehidupan manusia itu. Dan dari keadaan ini disusun berbagai-bagai rancangan untuk kebaikan masyarakat di sesebuah negara itu menurut dasar-dasar kerajaannya.

Di sebuah negara Afrika terdapat kumpulan-kumpulan masyarakat petani yang tidak tahu menulis dan membaca, mereka tidak mengerti akan dasar-dasar kerajaannya, cuma yang mereka tahu hanya mencari nafkah hidup dengan bertanam kacang tanah. Oleh kerana mereka tidak tahu menulis dan membaca maka seringkali mereka tertipu bila menjual hasil-mahsul tanaman mereka. Ini disebabkan mereka tidak tahu melihat mata timbangan dan tidak pandai pula mengira. Dari keadaan ini, perkhidmatan penyiaran radio berusaha menerbitkan rancangan pelajaran dewasa untuk memberantas buta huruf. Dengan usaha ini, akhirnya para petani telah dapat membaca dan menulis, maka masalah yang dihadapi mereka selama ini yang menjadi mangsa tipuan telah dapat dihapuskan bersama. Petani telah pandai menulis dan membaca. Fikiran mereka telah terbuka, akal

mereka telah dapat memberikan pertimbangan.


Bila masyarakat terlepas dari belenggu buta huruf tenaga mereka akan lebih dapat diharapkan dalam penyertaan pembangunan negara. Mereka telah dapat menyuarkan keraguan-keraguan dan kemusykilan-kemusykilan mereka kepada pihak-pihak yang berkenaan, mereka tidak lagi hidup dalam keadaan ragu-ragu, bimbang dan curiga-mencurigai.

Dan dari keadaan inilah sebuah badan penyiaran menyusun rancangan-rancangannya untuk memberi faedah kepada masyarakat umum. Badan penyiaran tidak mengetahui segera kerumitan-kerumitan yang dialami oleh penduduk-penduduk yang tinggal beratus-ratus batu di daerah pedalaman, tetapi dengan terhapusnya penyakit buta huruf menjadikan badan-badan penyiaran tadi dapat

menyampaikan hasrat sebuah kerajaan kepada rakyatnya, untuk membangun negara dan bangsa.

Masyarakat pedalaman yang tahu membaca dan menulis ini banyak dapat memberikan sumbangan kepada negara dan bangsanya sebagaimana yang berlaku dalam sebuah negara Afrika ini, di mana pada satu masa kerajaan mengadakan kempen berjimat cermat dalam kehidupan rakyat, tiba-tiba seorang kaya di sebuah kampung telah mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran yang melanggar peraturan kerajaan, dan seorang petani telah pandai menulis surat kepada pihak yang berkuasa dari pelajaran dewasa yang diikutinya di radio itu.

Dari keadaan tersusun rancangan, dari semasa ke semasa bagi badan penyiaran satu jentera yang diakui sangat 'effective' untuk penyebaran dalam zaman moden ini.



Dokumentari Kompleks Champion

SUMBER pendapatan negara yang besar adalah dari hasil minyak dan gas, sementara itu sebahagian besar pendapatan dan penggalian minyak adalah di kawasan luar pantai, terutamanya dari Padang Minyak Champion yang terletaknya 70 kilometer di timur laut Seria, di kedalaman 30 meter air.

Di padang minyak champion ini, terdapat 165 buah telaga di atas 23 buah binaan penggalian yang berasingan mengeluarkan hasil sejumlah 80,000 tong sehari minyak mentah menerusi empat stesen penghasilan. Bagaimanakah kegiatan ini dilakukan, silalah saksikan filem dokumentari KOMPLEKS CHAMPION siaran hari Sabtu 4hb Jun, 1983 jam 10.05 malam.

"Masalah Adat Dalam Kehidupan Orang-orang Melayu Di zaman Moden" dalam rancangan Dialog minggu ini

HIDUP dikandung adat dan nilai-nilai tanah adalah merupakan sandaran orang tua-tua kita ini dalam menganalisis sana harmonis hidup bermasyarakat. Nuklir rukun hidup mereka itu dapat diwarisi hingga hari ini, meskipun generasi muda tidak menyedari atau cuba mengetepikan adat tersebut. Masalah inilah yang DIALOG hadapkan kepada awda penonton dalam rancangan ini.

Dalam memperkatakan tajuk "MASALAH ADAT DALAM KEHIDUPAN ORANG MELAYU DI ZAMAN MODEN" Dialog telah pun mengundang Yang Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato' Utama (Dr.) Awang Haji Mohamad Sufri, siapa yang kita rasa terdekati dan menulis artikel mengenainya. Di Dialog tetap menyediakan ruangan Komen nonton dengan hadiah-hadiah tertentu \$45.00, \$35.00 dan \$25.00, untuk pemenang.

Jangan lupa untuk mengikuti Dialog TV pada hari Jumaat 3hb Jun 1983 malam.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 1HB JUN

- bertemu dengan seorang wanita yang tidak dapat dipercayainya.
- 7.47 AZAN ISYAK
 - 7.52 KNIGHT RIDER — sambungan
 - 8.15 WARTA BERITA
 - 8.35 HIDAYAT
 - 9.05 DUNIA MINGGU INI
 - 9.35 ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA TENGGARA
 - 10.35 NINE TO FIVE : "Real Men Don't Eat Quince"
 - 11.05 BELLAMY
 - 12.05 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 3HB JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.13 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 RANCANGAN AGAMA
- 12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
- 1.25 ROAD TO L.A.

PETANG

- 2.15 THE YOUNG MAVERICK — "Glancy"
- 3.00 HEROES' HIGH
- 3.30 THE EXPEDITION TO ANIMAL KINGDOM: "Of Edders And Vipers"
- 3.45 AZAR ASAR
- 3.48 THE EXPEDITION TO ANIMAL KINGDOM — sambungan
- 4.00 THE LITTLE RASCAL
- 4.25 RENCANA TEMPATAN: Mukim Tamoi
- 4.55 ELECTRIC COMPANY
- 5.20 POWER OF THE ATOM
- 5.35 THE ODDBALL COUPLE
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 YOU ASKER FOR IT
- 6.30 CAMP WILDERNESS: "River Rats"
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 CAMP WILDERNESS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TUCKER'S WITCH (Siri baru) "Pilot"
- Siri misteri yang "fancy" mengenai kerja pengintipan suami isteri yang melibatkan ilmu sihir. Amanda Tucker mewarisi ilmu sihirnya dari neneknya, manakala suaminya lebih suka kepada kenyataan (facts) dari ilmu sihir isterinya.
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 TUCKER'S WITCH — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DRAMA
- 9.05 DIALOG
- 9.35 ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA TENGGARA
- 10.35 DALLAS: "A Ewing Is A Ewing"
- 11.25 BENSON
- 11.55 CHICAGO STORY "Performance" Pt. I
- 12.55 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 4HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 GEOGRAPHY TODAY
- 6.28 THE ANIMAL WORLD: "Carnels The Baby Burro"
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 THE ANIMAL WORLD — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 9.05 ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA TENGGARA
- 10.05 FILEM RENCANA: Kompleks Champion
- 10.35 TAYANGAN GAMBAR INDONE-SIA: "Pacar Seorang Perjakan"
- 12.00 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Someone's Watching Me" (Suspens/Drama)
- Memokus kehidupan seorang pengarah berita cantik sebuah stesen TV yang selalu "diganggu" oleh seorang jirannya yang tinggal tidak berapa jauh dari tempat kediamannya. Pelakon-pelakon David Burney, Lauren Hutton, Adrienne Berbean, James Murtough, dan lain-lain.
- 1.30 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 5HB JUN

PAGI

- 8.15 PEMBUKAAN
- 8.17 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 8.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 8.30 SELINGAN: KARTUN
- 8.40 KE PADANG SMJA UNTUK MENGIKUTI PEMBUKAAN RASMI HARI IBU BAPA 1983 (Siaran Langsung)
- 11.30 DRAMA: Harapan Ibu
- 12.25 AZAN ZUHUR
- 12.28 GRAMMY AWARDS — sambungan

TENGAH HARI

- 3.00 TAYANGAN GAMBAR: "A Mother's Day On Walton Mountain"
- 4.30 PANCA IRAMA No. 4 — Sekolah Inggis Berakas
- 5.00 TECHNOLOGY RISKS AND OPPORTUNITIES. "Practical Machinery And Industries" (Episod terakhir)
- 5.15 ON SAFARI
- 5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG
- 6.30 LOVE SIDNEY: "Fiddler Under The Roof"
- 6.35 AZAN MAGHRIB
- 6.45 LOVE SIDNEY — sambungan
- Sidney kurang senang dengan latihan violin Patti dari seorang jiran mereka sehingga dia mendapat tahu bahawa jurulatih Patti ialah salah seorang pemain violin, yang teragung di dunia.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON: "The Kidnapping"
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.53 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA TENGGARA
- 9.05 BUMI HIJAU No. 4
- 9.35 ONE IN A MILLION: "The Committee"
- 10.05 INSIDE A MULTINATIONAL
- 10.55 THE BLUE AND THE GRAY Pt. II
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 6HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 WHISPER OF GLOCKEN: THE PERILS OF PENELOPE "Heir Raising Herness Race"
- 5.15
- 5.40 DASTARDLY AND MUTTELY
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 THAT'S INCREDIBLE
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.46 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY: "Black Pearl"
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 LIPUTAN NASIONAL
- 8.35 ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA TENGGARA
- 9.35 ARE YOU BEING SERVED: "Mrs. Slocombe Senior Person"
- Apabila Mr. Rumbold jatuh sakit, Mrs. Slocombe telah diarah menggantikan tempatnya. Sayangnya Mrs. Slocombe tidak gembira dengan tugas itu walaupun dengan sokongan yang kuat dari Mr. Humphries.
- 10.05 DOC: FLIGHT OF THE CONDOR "Ice, Wind and Fire"
- Dalam siri dokumentari 3 bahagian ini kita akan melihat pemandangan-pemandangan dan hidupan-hidupan di sepanjang banjaran gunung Andes, Amerika Selatan. Kawasan bahagian dunia ini masih belum banyak lagi diketahui oleh dunia luar. Kita akan dibawa oleh penerbitnya Michael Andrews menjelajah dan "terbang" di kawasan-kawasan ini seperti penerbangan burung "condor", sejenis burung yang banyak terdapat di kawasan sana. Pengembaraan kita bermula dari batu-batu kepulauan Cape Horn menuju ke utara... Ke gunung Aconcagua, gunung yang tertinggi di Amerika Selatan.
- 10.55 THE PHOENIX
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 7HB JUN

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.28 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 PHOENIX AND THE CARPET: "The Magic Fire"
- 5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION "Red Shoes" Bgh. 2
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
- 6.36 AZAN MAGHRIB
- 6.46 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "The Vigil"
- Chase menolong Maggie berkemas untuk pemerginya ke Los Angeles. Walaupun Cole telah bebas dari tuduhan, Maggie tetap khawatir kerana orang yang "berhajat" kepada Cole masih bebas lagi.
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 FALCON CREST — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA TENGGARA
- 9.20 STRANGERS: "Call of the Wild"
- 10.20 TAYANGAN GAMBAR: "Nashville Grab" (Suspens/Drama)
- Seorang penyanyi country and western diculik oleh dua orang banduan. Selepas itu kehidupannya terus berubah. Pelakon-pelakon: Jeff Conaway, Henry Gibsin, Dianne Kaye, Slim Pickens, dan lain-lain.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
GREAT SPACE COASTER
WOODY WOODPECKER
BERITA AWAL
DIFFERENT STROKES
CONTACT
SIARAN MAGHRIB
CONTACT — sambungan

BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
HART TO HART: "In The Heart Of The Night"

AZAN ISYAK
HART TO HART — sambungan
WARTA BERITA
LIPUTAN NASIONAL
ACARA KEMUNCAK SUKAN ASIA
TENGGARA
THREE COMPANY
TAYANGAN GAMBAR: "The Choice"

SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 2HB JUN

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
SESAME STREET
BERITA AWAL
FLINTSTONE FROLICS
SAFARI TO ADVENTURE: "Hobbes Challenge"

AZAN MAGHRIB
SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
KNIGHT RIDER: "Tears of Stont"

Michael dibantar oleh Devon ke Texas untuk mengintip sekumpulan penjahat senapang. Untuk memperoleh kepercayaan mereka Michael berakut sebagai pembeli senjata itu dan hampir menghadapi mautnya apabila

seorang pendakap watak utama siri rancangan baru TUCKER'S WITCH ialah Tim Catherine dan Catherine Hicks. Siri bermula pada jam-kers 7.20 malam menggantikan The Amazing Spiderman.

SEKITAR PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN

DAPATKAN PERTOLONGAN



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah selaku Timbalan Sultan ketika menyampaikan piala kejohanan kepada johan qari 1983 Haji Awang Damit bin Haji Kawang peserta dari daerah Brunei-Muara.



Awang Md. Daud bin Abd Kadir yang menyandang naib johan dalam pertandingan tersebut.



Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji yang berjaya menduduki tempat ketiga.

MEMBACA ayat suci Al-Quran telah menjadi satu tradisi dalam kehidupan beragama di kalangan masyarakat Melayu Islam sejak agama Islam bertapak dan berkembang di negeri ini.

Hasil dari perkembangan tradisi yang sambung bersambung zaman berzaman itu telah dapat diorientasikan kepada masyarakat sehingga ia dapat dihayati dengan sempurna dan membuahkan hasil yang baik pula dengan lahirnya beberapa orang qurra.

Lanjutan dari perkembangan yang menggalakkan itu, maka timbullah idea untuk mengetengahkan dan meninggikan lagi mutu pembacaan Al-Quran tersebut ke peringkat pertandingan atau peraduan. Menurut sejarahnya, pertandingan membaca Al-Quran itu bermula selepas Perang Dunia Kedua dalam tahun 1948, iaitu bagi penduduk-penduduk Pekan Brunei saja, pekan-pekan Belait, Tutong dan Temburong mengadakannya beberapa tahun kemudian.

Pertandingan demi pertandingan terus diadakan, bukan saja di kalangan orang-orang dewasa tetapi juga pertandingan bagi murid-murid sekolah juga dapat diwujudkan dan mendapat kejayaan dengan adanya sambutan dari orang ramai. Pertandingan pertandingan itu pula bukan saja dianjurkan oleh pihak kerajaan tetapi sebahagiannya dikelolakan oleh penduduk-penduduk kampung ataupun persatuan-persatuan dan badan-badan kebajikan. Jelajah kepada kita bahawa masyarakat khususnya umat Islam semakin respond terhadap pentingnya amalan pembacaan Kitabullah itu.

Pertandingan yang diadakan baru-baru ini selama dua malam berturut-turut pada 24hb dan 25hb Mei adalah kali yang ke-23. Pada beberapa tahun yang sudah pertandingan tersebut diadakan di Padang Besar, Bandar Seri Begawan. Tetapi tahun ini pertandingan tersebut terpaksa beralih tempat ke Padang Sekolah Menengah Melayu SMJA kerana projek pembinaan grand stand di Padang Besar masih dijalankan.

Namun demikian suasana malam yang mubarrak itu tetap meriah tidak ubahnya juga seperti tahun lepas. Dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya sebuah astaka yang indah telah dibina yang menghijau di rekabentuk dalam model bangunan di zaman bahari yang dapat mengingatkan kita kepada keagungan kebudayaan dan identiti ke-Bruneian kita. Sebuah pentas khas juga telah disediakan untuk tetamu kehormat dan pembesar-pembesar negara berhadapan dengan astaka pertandingan.

Pembukaan rasmi majlis tersebut telah disempurnakan oleh Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Pemangku Menteri Besar Brunei.

Seramai lima orang qari dan lima orang qariah telah bertanding di malam pertama musababah tersebut. Peserta-peserta tahun ini kebanyakannya terdiri dari kaum belia yang mana qariah yang termuda sekali berusia 19 tahun yang juga salah seorang pendatang baru di arena itu.

Menurut keputusan jemaah hakim yang dibacakan oleh Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Pengerusi Jemaah Hakim pertandingan, mutu bacaan qari dan qariah tahun ini bertambah baik cuma 'kontrol' nafas para peserta memerlukan latihan yang gigih.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat pada malam penutup majlis. Y.T.M. telah berkenan mengurniakan sabda di majlis tersebut dan seterusnya berkenan pula menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para peserta pertandingan dan cenderamara kepada hakim-hakim undangan dari luar negeri. Turut berangkat ke majlis itu Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulfri Bolkiah dan Pengiran Pengiran Cetera.

Terdahulu sebelum upacara penyampaian hadiah-hadiah sembah alu-aluan telah disampaikan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zam, selaku Pengerusi Majlis.

Acara bermula dengan perarakan melintas lalu di hadapan pentas khas yang terdiri dari sebelas buah pasukan yang mengandungi kepala perarakan, para peserta yang mengambil bahagian, kumpulan-kumpulan hadrah sekolah dan persatuan dan pasukan tanglong.

Satu syarahan khas juga telah disampaikan oleh Y.D.M. Pehin Udana Khatib Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar. Di samping itu majlis juga telah diserikan dengan persembahan nasid.



Walaupun terlalu awal bagi budak kecil ini berkecimpung dan menyertai perarakan dalam kumpulan hadrah seperti ini dalam majlis pertandingan membaca Al-Quran malam itu, namun ianya suatu pertanda baik yang membuahkan semangat dan jiwa serta peribadi Islam yang sejati (gambar kiri). Manakala gambar kanan ialah kepala perarakan yang turut menyerikan suasana majlis malam itu, di dalamnya dihiasi dengan tulisan khat nama-nama Allah s.w.t. yang 99 itu.



LAPORAN
TIMBANG BAKAR
GAMBAR2 OLEH
PG. YAAKUB PMH HASHIM
AK BAHAR PG OMAR

ALLAH DENGAN BERTAKWA



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah dan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah sedang menyaksikan salah satu cara majlis pertandingan malam kedua di atas sebuah pentas khas yang dibina berhadapan dengan astaka pertandingan. Turut berangkat ke majlis tersebut ialah Y.A.M. Pengiran Majaraja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yussof dan Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali, seperti yang kelihatan dalam gambar kanan atas sekali.

Gambar nombor 2 dari atas Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah sedang menyampaikan piala pusingan kepada johan qariah Dy Hajjah Masni bte Haji Abd Manaf, peserta dari daerah Tutong.

Gambar berikutnya pula ialah Dy Zainab bte Haji Mohd Salleh, naib johan bahagian qariah dan di sebelah bawahnya pemenang qariah ketiga Dy Hajjah Siti Ara bte Haji Idris.

gambar tengah atas.

ASTAKA yang tersergam indah di tengah-tengah Padang Sekolah Menengah Melayu SMJA tempat mengadakan pertandingan membaca Al-Quran tahun ini di bina oleh Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Sebahagian dari ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang hadir di majlis tersebut — gambar tengah.



Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAH HARI

12.00-12.45 Sajjan Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali Sai-
fuddin.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BER

6.45 pagi
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN

Zuhur, Asar
dan Maghrib

HARI RABU

1HB JUN

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang R. Azmi.
TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.
PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Selindang Delima Siri ke-8), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.
MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zaman-nya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.30 — Senandung Budaya, 9.45 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS

2HB JUN

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.
TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.
PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.
MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT

3HB JUN

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).
TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuai-kan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasvid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.
PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Puspasari, 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa, 4.30 — Permintaan Jiran Tetang-ga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.
MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU

4HB JUN

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampasari, 11.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik.
TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.
PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Ming-gu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Minguhan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Inti-sari Minguhan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama.
MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Ma-lam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Sepandung Malam.

HARI AHAD

5HB JUN

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai

Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.
TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.
PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Ma-jalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.
MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

HARI ISNIN

6HB JUN

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pen-dengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.
TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Un-tuk Pendengar.
PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Minguhan Pela-jar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 —

Dendang Remaja, 4.30 —
4.45 — Rampaian Joger,
wakili Zamannya, 5.15 —
5.45 — Kuliah Agama (SU),
MALAM: 7.00 — Majalah Sa-
— Hiburan Malam, 8.30 —
usaha, 9.00 — Lagu-lagu
— Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA

7HB JUN

PAGI: 8.25 — Panduan Wan-
Perajurit (SU), 9.00 —
bangsa, 9.30 — Pilihan Pen-
— Lagu-lagu Berirama Da-
Rampaian London, 10.45 —
mintaan Kaum Wanita,
barun Awda, 11.30 —
Lama (SU).
TENGAH HARI: 1.30 —
Lama (SU).
PETANG: 2.00 — Ku Sapa-
— Gema Silam, 3.30 —
— Gema Keroncong/Pu-
Seni Dan Sastera, 5.00 —
5.15 — Untuk Awda, 5.45 —
MALAM: 7.00 — Ruanan-
— Selingan Irama, 8.15 —
karamai, 9.00 — Kugur-
9.45 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Classical music night with Rory Higgins
8.30 Hello Tomorrow
9.30 Classical Music (continued)

Thursday

P.M.
8.00 International Money Pro-gramme.
8.15 Sixty-Minute Theatre: "Absent Friends" by Alan Ayckbourn.
9.30 Country Club — 43.

Fridays/Holidays

A.M.
11.00 Music In The World of Islam
11.15 Break for music
11.30 Children's half hour
NOON
12.00 Sweet and Stylish — 8/12.

P.M.
12.45 My Music — 251/167.
1.15 Book Club: Summer Light-ning by P. G. Wodehouse — 12/15.
8.00 The World of Books
8.30 Up The Belait River With-out A Paddle — 98 with guest this week Capt J. Smith.
9.00 Perspective
9.30 A Date

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 258/261.
9.30 Top of The Pops — 965.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views: Influence of Television — A discussion programme with chairlady — Hayati Pehin Salleh.
11.30 Practical World
11.45 London This Week.
12.00 A Date

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 965 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Inter School/College Debat-ing Competition 1983.
8.30 Beautiful Music — 27/48
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: "Earthsearch" — A Science Fiction adventure across space and time by James Follett — 4/10.

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five Melody by Leonard Z...

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 John Lennon 1940-1980 five part tribute to his life and his music — Part 1
9.30 Stereo Pop Special: "Armistadine" Series 1.

Daily

A.M.

6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 Local News with news and Brunei In History
7.15 Brunei's A.M. (continued)
11.00 Ladies At Eleven — Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — news, days and Sunday
12.30 News and weather, sidelines and History of Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsweek (Sundays)
9.15 News.

TA ITU
ORBANAN?
Minggu
NYA
MELATT"

angkat pun salah,
Ya, kenapakah
dan Mak Limah

mencoretkan
GUGURNYA SE-
Pak Kassim dan Mak
Roslan sebagai te-
Meskipun Masyati
ayahnya, na-
Masyati sudah
menjadikan Pak
orang tua
lain pula pada

ayah
Siapa pula yang
akan di-
Benarkah
kami persilakan
5hb Jun, 1983
oleh Dayang



Dari Pendengar
ini ialah Dayang
Hayati di No. 15 Kampung
akan ke udara
petang.

ancangan
visyen
idikan

5hb. Jun

angga

Jun, 1983



Peserta-peserta yang terpilih ke peringkat separuh akhir

DAERAH Brunei-Muara dan Belait, telah selesai mengadakan pertandingan Bintang Remaja '83 peringkat daerah. Bagi Daerah Brunei-Muara, sebanyak lapan peserta telah terpilih untuk masuk ke peringkat separuh akhir, manakala Daerah Belait telah memilih empat peserta ke peringkat itu.

Peserta-peserta yang terpilih bagi Daerah Brunei-Muara ialah:—

Abu Sufian Md Ali Nordin, Roslany Adanan, Dk Masnita Pg Haji Petra, Dk Sahanisah Pg Metali, Tizan Haji Jamuddin, Salniah Mokti, Dayang Zamani Kalong dan Yusnani Yusoff (gambar atas).

Manakala peserta yang terpilih bagi Daerah Belait ialah:—

Mairani Maaruf, Norisnani Majenis, Siti Zaleha Suhaili, dan Sazali Mohd Ariff.

Daerah Tutong dan Temburong masing-masing telah memilih wakilnya pada hari Jumaat, 27hb Mei dan 28hb Mei yang lalu.

Pertandingan separuh akhir senegeri akan diadakan pada hari Jumaat, 10hb Jun 1983 bertempat di Studio A RTB.



COME on don't take it too seriously! That's the producer Awg Jafar Yaakob who is seen briefing the panel before recording. They are from left Dayang Mordiah Jackia, Dayang Pushpa Leela, Awang Taufik Mohd Noor and the chairlady Dayang Hayati Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Md Salleh. This week's subject of discussion is "INFLUENCE OF TELEVISION" and it will be broadcast on Sunday 5th June 1983 at 11.00 a.m.

ISNIN — 6HB JUN

PAGI

9.20 SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air 3)

Dalam rancangan ini murid-murid akan ditunjukkan cara-cara menangkap ikan di laut dengan menggunakan pukuk tunda dan menangkap ketam di sungai dengan menggunakan bintor. Kedua-dua cara ini telah diamalkan oleh nelayan-nelayan kita di Brunei sebagai salah satu mata pencaharian.

Di akhir rancangan murid-murid dibawa melawat ke Akuarium Hassanah Bolkiah untuk memerhati cara-cara ikan bergerak di dalam air.

10.30 KAP KAP UDANG 883.

PAGI

Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, MINUM, SI MANIS, BOLA TUMBUK, MENYANYI dan GERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 883.

SELASA — 7HB JUN

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air 3)

10.30 KAP KAP UDANG 884.

Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PAK LONG, MINUM, AMIN SIRI PERMULAAN dan GERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 884.

RABU — 8HB JUN

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air 3)

10.30 KAP KAP UDANG 885.

Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERSENAM, TUNJUK BENDA, KATA SI MANIS, AMINAH, MENYANYI dan GERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 885.

KHAMIS — 9HB JUN

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 886. Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti MAIN MUZIK, DI MANA TEMPATNYA, MINUM, MAIN BAKUL, LUKISAN DARI RUMAH, BELON SI MANIS dan GERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 886.

SABTU — 11HB JUN

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 887. Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, MINUM, MAIN KERUSI, MENYANYI dan GERMIN SAKTI.

PERHATIAN:

Rancangan Sains Untuk Darjah 6 dan rancangan Kap Kap Udang akan berakhir siarannya di waktu pagi pada hari Khamis, 9hb Jun 1983, rancangan Kap Kap Udang waktu petang akan disiarkan seperti biasa.

DARI MAJLIS TAKLIMAT

Laporan:

Aisah Plee
Muhammad HM
Zubaidah HS

Usia AMDB 22 tahun: KESELAMATAN TERUS TERJAMIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bagi menjaga keselamatan dan memper-tahankan serta menjamin kesejahteraan negeri ini dari dicero-bohi oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei telah ditubuhkan kira-kira 22 tahun yang lalu dengan pengambilan yang pertama seramai kira-kira 60 orang rekrut yang dilatih di Port Dickson, Malaysia.

Mulai tahun 1964 barulah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dilatih di tempat sendiri dan sehingga kini pasukan AMDB mempunyai kira-kira 3,500 orang anggota.

Demikian telah diterangkan oleh YDM

Batalion Pertama yang terdapat di Berakas Garrison dan Batalion Kedua di Tutong Kem. Di samping itu Angkatan Laut pertama juga telah ditubuhkan yang berpangkalan di Muara.

Tiap-tiap batalion menurutnya, telah dilengkapi dengan askar-askar berjalan kaki dengan kekuatan kira-kira 860 orang. Sementara di Batalion Pertama juga terdapat Cawangan Udara yang mempunyai lima squadron dengan dilengkapi 10 buah helikopter jenis 212 yang digunakan bagi meng-angkat askar dari satu tem-

punya Pasukan Kere-ta Perisai Peninjau terdiri dari kereta perisai scorpion yang berpangkalan di Tutong Kem dan dijangka akan dipindahkan kemudiannya ke Penanjong Kem apabila kem tersebut siap dibina, dan pasukan combat engineer atau pasukan penggempur yang bertugas membantu tentera supaya mara dengan cepat dengan mengatasi apa-apa jua halangan seperti sungai, periuk-periuk api yang dipasang musuh dan sebagainya.

Di samping itu, tambahan, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei juga telah disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan alat-alat perhubungan seperti radio atau signal squadron, kenderaan-kenderaan seperti trak, landrover dan bas, termasuk juga kereta-kereta perubatan yang khas dengan alat-alat perubatan moden.

Menyentuh berkenaan dengan Angkatan Laut yang berpangkalan di Muara, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan bahawa angkatan laut itu kini mempunyai enam buah kapal rothook yang di-bahagikan kepada dua jenis iaitu kapal ronda

jenis "Perwira" yang dilengkapi dengan meriam 20mm serta jenis "Waspada" yang dilengkapi dengan peluru berpandu, serta beberapa buah kapal lagi yang digunakan untuk mengangkut perajurit dalam peperangan.

YDM Pehin Dato Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman itu juga telah menyentuh berkenaan tanggungjawab Pusat Latihan pasukan itu yang terletak di Perkhemahan Bolak di sini, iaitu melatih hampir semua rekrut-rekrut Askar Melayu Diraja Brunei di dalam negeri dengan memberikan kecakapan dalam segi kepimpinan atau dalam segi kemahiran menggunakan senjata dan lain-lain.

Katanya, pasukan ini juga mempunyai Pusat Pengajian yang memberi kursus atau meningkatkan pelajaran anggota-anggota bagi membolehkan mereka menghadapi berbagai kursus di seberang laut seperti di United Kingdom, Singapura and Hongkong.

Bagi menyediakan pegawai-pegawai yang berpelajaran pasukan itu juga telah menubuhkan Pasukan Askar Muda dalam tahun 1978, yang mana mereka ini, jelas YDM Pehin diambil dari penuntut-penuntut

sekolah yang berumur dari 15 tahun hingga 17 tahun.

Di sana mereka diajar pada keseluruhannya dalam mata pelajaran seperti Ilmu Hisab dan Sains, bagi persediaan mengganti pegawai-pegawai yang dipinjam ketika ini dalam bahagian teknikal di beberapa cawangan AMDB.

Ketika ini, ujar YDM Pehin Kolonel Sulaiman pasukannya sangat-sangat kekurangan tenaga, dan apa yang sangat dikesalkan tambahnya, di saat-saat kita sangat memerlukan anggota-anggota tersebut supaya mencapai kepada kira-kira 5,500 orang, ramai pula anggota-anggota yang ada telah

berhenti dengan berbagai alasan.

Dari itu lagi kepada para taklimat pada kepada ibu ke-bawah Dato Mulia supaya kan anak-anak memasuki Pasukan Melayu Diraja.

Terdahulu ucapan alih penghargaan paikan oleh bahagian Pasukan Brigedier Friedberger dan petangnya taklimat Gadong itu dibawa oleh Angkatan Laut berpangkalan di Muara.

Angkatan Laut AMDB semakin berkembang

MUARA. — Pasukan Angkatan Laut Askar Melayu Diraja Brunei kini mempunyai seramai kira-kira 400 orang anggota-anggotanya yang terlatih termasuk 30 orang pegawai tempatan. Pasukan itu juga mempunyai seramai 29 orang anggota askar wanita yang terlatih.

Pasukan tersebut semakin berkembang dan jika ditinjau 18 tahun yang lalu sejak mula ditubuhkan di mana pada ketika itu ianya dinamakan cawangan perahu yang hanya mempunyai 20 orang anggota dan beberapa buah perahu temuai. Kini Pasukan Angkatan Laut mempunyai beberapa buah kapal yang moden serta mempunyai peralatan yang sofistikated dan ada di antaranya yang dilengkapi dengan peluru berpandu.

Demikian telah diterangkan oleh Mejar Abd. Latif bin Damit, kepada peserta-peserta taklimat dari Mukim Gadong bertempat di Bilik Taklimat Pasukan Angkatan Laut di Muara pada hari Khamis lepas.

Mejar Abd. Latif berkata antara tugas-tugas ataupun peranan yang dimainkan oleh pasukannya antaranya ialah mencegah serangan-serangan yang datangnya dari luar, memberikan tindak balas kepada penceroboh-penceroboh yang mengancam pelantar-pelantar minyak di luar pantai, mengawasi lalu-lintas perjalanan kapal di perairan Sungai Brunei, mengadakan latihan-latihan ketenteraan dengan tentera-tentera laut yang lain di rantau

ini, membina cawangan dan Pasukan AMDB lainnya.

Beliau "Angkatan Laut berkeupayaan latihan besert tentera laut di Di mana pada Angkatan Laut Melayu Diraja telah menepati bersama dengan Laut Diraja Tentera Laut dan Tentera British yang di Hongkong.

Selain dan bahnnya, ia membuat membuat muhibah di Hongkong pulau-pulau iaitu Pahlawan dan Cebu, Tawau, Labuan, Singapura, dan lainnya.

Dapat di dapat mempunyai Pasukan Angkatan Laut yang moden dengan anggota-anggota terlatih mengikut keperluan luar negeri di United Kingdom juga mempunyai senjata yang dan sofistikated.

Setelah peserta taklimat peluang KDB Setem Pahlawan dibawa oleh perairan satu jam lawatan ke mereka dengan pesawat Melayu Diraja



Mengadakan lawatan ke Angkatan Laut Pertama AMDB di Muara.

Pehin Dato Indera Setia Kolonel Dato Paduka Sulaiman bin Haji Awang Damit ketika memberikan ceramah kepada peserta-peserta Taklimat dari Mukim Gadong, dalam siri taklimat anjuran Bahagian Penerangan Jabatan Setia-usaha Kerajaan di sini pada hari Khamis lepas.

Menurutnya, markas Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei kini telah diketuai oleh Pemerintah Pasukan Brigedier J.P.W. Friedberger dan ramai lagi pegawai-pegawai turus tentera yang lain yang mengendalikan hal-ehwal dalam pasukan tersebut.

Di masa ini, katanya, pasukan tersebut terbahagi kepada dua batalion iaitu

pat ke satu tempat di samping untuk mengangkat perbekalan, dua buah kapal terbang biasa yang digunakan bagi latihan-latihan juruterbang dan beberapa buah helikopter untuk perhubungan dan meninjau dari satu tempat ke satu tempat apabila terjadi peperangan dan sebagainya.

"Dan squadron yang amat penting dalam cawangan ini ialah squadron engineer yang amat memerlukan dan mengkehendaki mereka yang berkelulusan dan jurusan Ilmu Hisab dan Sains," ujar Yang Dimuliakan Pehin.

Katanya, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei juga



Peserta mengadakan tinjauan ke kapal Waspada di Angkatan Laut Pertama AMDB.

DARI MAJLIS TAKLIMAT

Laporan:
Aisah Piee
Muhaimin HM
Zubaidah HS

Kesultanan Melayu Islam bukan konsep baru

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kesultanan Melayu Islam telah pun menjadi status-quo yang sangat kukuh bagi Negeri Brunei, dan bukan merupakan suatu konsep baharu dalam kita memikirkan corak kenegaraan menjelang atau selepas merdeka.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman mengingatkan supaya orang ramai hendaknya tidak menyangka bahawa kedudukan Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam itu suatu konsep baharu yang berlainan dari kenyataan sebenar, dan mengatakan ianya sebagai sengkaja disogokkan atau diketengahkan dengan maksud-maksud tertentu yang boleh memecahbelahkan.

Awang Haji Badaruddin sekali lagi telah menjelaskan perkara ini dalam Majlis Taklimat bagi sekumpulan penduduk Mukim Gadong yang berlangsung Khamis lalu, 26hb. Mei di Bahagian Penerangan di sini.

Pengarah Penerangan itu berkata, kedudukan Brunei sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam bukanlah suatu yang baharu dicipta-cipta, malah telah sekian lama wujud iaitu sebagai negara yang berpeperintahan Beraja atau Bersultan yang turun-temurun berbangsa Melayu dan beragama Islam, serta mengekalkan pengaruh-pengaruh Melayu Islam yang dengannya Brunei telah mendapat corak.

Terdahulu dari itu, Awang Haji Badaruddin dalam kenyataannya telah membentangkan tiga unsur yang menjadikan Brunei sedemikian itu. Pertama, kerana Brunei telah diperintah oleh Raja-Raja Melayu Islam sepanjang sejarah berkerajaan sejak zaman berzaman dan kedua, ciri Melayu Islam terus menerus berpeperintah ke atas sosiopolitik Brunei.

"Ketiga, corak Kerajaan dan sendi kenegaraan yang bersifat Melayu Islam itu telah termaktub dalam Perlembagaan dan Undang-Undang Bertulis iaitu dalam perkara Agama Rasmi, Kuasa Memerintah Yang Tertinggi, Lantikan Pegawai-Pegawai Utama, Bahasa

Rasmi, Taraf Kebangsaan dan dalam perkara mewarisi tahta Kerajaan yang mana menjamin bahawa Brunei akan diperintah turun-temurun oleh Raja-Raja Melayu Islam," jelas Awang Haji Badaruddin.

Yang demikian, Awang Haji Badaruddin menjelaskan bahawa corak negara Brunei selepas merdeka tidaklah akan berubah semata-mata kerana merdeka. Kerana, katanya, jika corak yang sudah menjadi sifat dan identitinya itu berubah maka bermakna Brunei yang merdeka itu adalah suatu negara baharu, bangsa baharu dengan corak dan identiti baharu.

"Semua itu sebenarnya dan sememangnya tidak relevent. Sebab kita yang akan merdeka dan negara kita yang akan merdeka bukanlah kita akan lahir sebagai satu bangsa baharu dan negara baharu mengikut sebagaimana lazimnya bagi lain-lain bangsa dan negara yang dimerdekakan," ujarnya.

Awang Haji Badaruddin juga menegaskan sekalipun Brunei mempunyai rakyat dan penduduk yang berbilang bangsa dan kaum mencorakkan fenomena dalam kehidupan harian, tetapi dari segi sosiopolitik Brunei bukanlah sebuah negeri yang menerima konsep multiracial dalam semua aspek Kerajaan dan Pemerintahan, dan bukan pula bermakna pengaruh Melayu Islam yang dominan ke atas sosiopolitik Brunei menjadikannya atau pemerintahannya

tidak adil kepada penduduk dan rakyatnya yang bukan Melayu dan Islam.

"Tidak ada tanda-tanda bahawa keadilan yang selama ini menjadi asas yang kuat dalam pemerintahan Brunei akan berubah bahkan menerusi pemerintahan yang kuat dipengaruhi oleh unsur Melayu Islam itu semua kita yang terdiri dari berbagai-bagai lapisan dan latar belakang hidup dengan tidak ditilik kepada keturunan telah menikmati suatu kehidupan yang sejahtera dengan taraf hidup yang tinggi," Awang Haji Badaruddin menjelaskan.



Pengarah Penerangan Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika menyampaikan taklimat kepada peserta taklimat dari Mukim Gadong.

Soal upacara pengkebumian askar: Tunggu fatwa Mufti

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Upacara semasa pengkebumian jenazah anggota-anggota askar yang meninggal dunia telah ditimbulkan dalam taklimat yang diadakan di sini pada hari Khamis lalu.

Upacara yang bertujuan bagi memberi penghormatan terakhir dengan perbarisan yang disertai antaranya tiupan alat musik tertentu dan beberapa das tembakan itu telah dikatakan meragukan orang ramai dalam hubungannya dengan hukum syarak. Perkara itu ditimbulkan semasa soaljawab antara peserta-peserta taklimat yang terdiri daripada

penduduk-penduduk Mukim Gadong dengan YDM Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit, dari Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Bagi menjelaskannya, YDM Pehin Kol. Sulaiman telah memberitahu para peserta taklimat bahawa pihak Askar Melayu Diraja Brunei menyedari kemusykilan orang ramai mengenai perkara itu. Menurutnya, langkah sedang diambil bagi mendapatkan panduan hukum syarak daripada Mufti Kerajaan Brunei.

Upacara yang lazim diikuti selama ini, kata YDM Pehin Kol. Sulaiman

lagi, adalah bercontoh kepada tradisi ketenteraan sebagai bertujuan memberi penghormatan terakhir kepada anggota-anggota yang gugur.

Beliau membayangkan hasrat pasukan askar kita untuk menerima baik panduan bagi menyesuaikan upacara penghormatan itu dengan kehendak agama dan tradisi yang tidak berlawanan dengan syarak.

Terdahulu dari itu YDM Pehin Kol. Sulaiman telah memberikan taklimat berhubung dengan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, sejarahnya dan perkembangannya ter-

masuklah rancangan-rancangan bagi membesarkannya mengikut keperluan pertahanan dan keupayaan yang boleh didapatkan.


Beliau menggesa orang ramai supaya menyedari akan kepentingan negara Brunei mempunyai pasukan pertahanan bagi mengawal keselamatan dan mempertahankan kedaulatannya. Anak-anak muda, kata YDM Pehin Kol. Sulaiman, mestilah memberi perhatian dan menaruh minat untuk berkhidmat dalam pasukan askar.

Menurutnya, rancangan-rancangan terperinci terus menerus dibuat bagi menarik anak-anak muda negeri ini untuk berkhidmat termasuklah menerusi Pusat Pengajian Askar Muda.

Taklimat berhubung dengan Pasukan AMDB pada hari itu telah dimulai dengan ucapan aluan oleh Pegawai Pemerintah Pasukan AMDB Brigadier J.P.W. Friedberger MBE, dan dihadiri juga oleh Pegawai-Pegawai Kanan Pasukan AMDB yang terdiri dari YDM Pehin Datu Perkasa Dato Seri Laila Jasa Mejar Awang Ishak bin Haji Abd. Hamid, Pehin Datu Paduka Raja Dato Seri Laila Jasa Mejar Awang Shari bin Ahmad dan Mejar Shari bin Haji Ali.



Sebahagian daripada peserta yang menyertai taklimat tersebut.



Kira-kira 50 orang ahli ahli persatuan tersebut serta penuntut penuntut sekolah telah menghadiri ceramah tersebut yang juga diselitkan dengan pertunjukkan slide. — ASM.

Sementara itu Majlis Belia-belia Negeri Brunei juga dijemput oleh China

Belia-belia yang berminat bolehlah mendapatkan borang-borang dari Setiausaha Agung MBB, Peti Surat 346, Bandar Seri Begawan, atau Jabatan Kebajikan Belia

P.W. 1 Yang
pai, P.W. 2 Yang
Asmat dan
P.W. 2 Yang
Sulaiman dan
Kedua dan
P.W. 2 Yang
poh dan Sand
boyan.

Di sana mereka diberikan taklimat mengenai dengan penubuhan pusat itu yang disampaikan oleh Pengetua Pusat tersebut, Haji Mohd. Yassin bin Ha-

Dalam lawatan tersebut mereka juga berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Haji Hussein dalam satu jamuan makan oleh YB itu di Pusat Belia Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Hajjah Masbte Haji Masri telah juga

Pada hari ketiga kunjungan pertubuhan itu, mereka telah diberi jamuan makan malam oleh Yang Dipertua Persatuan Pertiwi Brunei, Datin Hajjah Zahrah bte Haji Idris di Rumah Jerembak, Jalan Gadong.


Sebelum meninggalkan negeri ini pada hari Isnin 16hb. Mei, rombongan pertubuhan dari Sabah itu juga sempat melawat ke Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dan seterusnya melawat Masjid Omar Al Saifuddin.

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai harga barang yang berikut di bawah ini bermula 1983.

1. SAYOR KINCAM: \$5.50 sekati boleh dibeli dari:
 1. Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.
2. ASAM GELUGOR: \$5.50 sekati boleh dibeli dari:
 1. Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
3. ASAM JAWA (CAP SINGA): \$0.50 sekotak bersebut berikut: —

1. SAYOR KINCAM: \$6.40 sekati boleh dibayar
 1. Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
 2. Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.
 3. Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.
 2. ASAM GELUGOR: \$5.00 sekati boleh dibayar
 1. Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.
 3. ASAM JAWA (CAP SINGA): \$0.50 sekati boleh dibayar
 berikut:—
 1. Choo Seng, No. 20, Jalan Seng.

1. SAYOR KINCAM: \$5.00 sekati boleh dibeli di:
 1. Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan...
 2. Hui Guan, No. 48B, Jalan Bunga...
2. ASAM GELUGUR: \$4.50 sekati boleh dibeli di:
 1. Soon Kheng, No. 50B, Jalan Bunga...
3. ASAM JAWA (CAP SINGA): \$0.50 sekati boleh dibeli di:
 1. Choo Seng & Company No. 50, Jalan...



JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Di Biro Mencegah Rasuah, Brunei

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai KERANI/JURUBAHASA di Biro Mencegah Rasuah, Brunei.

D. 3 EB. 4-5 — \$720-\$1290 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge (Peringkat Biasa), atau yang sebanding dengannya, dengan mendapat kelulusan sekurang-kurangnya dalam 3 mata pelajaran termasuk Bahasa Inggeris.

b) Mereka mestilah fasih dalam Mandarini dan dua loghat Cina, misalnya Hokkien dan Cantonese, serta boleh membaca dan menulis Cina.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan yang disebutkan di perenggan (a) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun serta mempunyai kebolehan menterjemah dari Cina dan 2 loghat Cina yang lain, seperti Hokkien Cantonese, ke Bahasa Ing-

geris dan sebaliknya boleh juga dipertimbangkan. d) Calon-calon yang fasih dalam Bahasa Melayu mempunyai suatu kelebihan.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan dilantik secara kontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah tertakluk kepada persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan dilantik ke perjawatan tetap setelah satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, tidak lewat dari 18hb Jun, 1983.

(E/1067/83)

(Bil: 105/1983)

Tawaran Pejabat Perkhidmatan2 Letrik

TAWARAN BIL. : 64/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B', yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 6hb Jun 1983, bagi kerja-kerja berikut :—

MENDIRIKAN TIANG-TIANG LAMPU JALAN RAYA 28 KAKI BERSAMA DENGAN "ARM BRACKETS" DAN MENANAM KABEL LAMPU JALAN RAYA, DARIPADA SIMPANG JALAN TUTONG—JALAN JERUDONG, KE SIMPANG JALAN JERUDONG—JALAN JERUDONG PARK.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh didapati dari Pejabat Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Satu perjumpaan bagi penentuan tender akan diadakan pada 4hb Jun 1983, pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkaman) untuk tawaran adalah \$500.00.

PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei, tingkat bawah bangunan Setiausaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat pada hari Isnin 20hb Jun 1983, jam 11.00 tengah hari bagi menjalankan perkhidmatan Kantin Sekolah Ugama Sersa, Muara.

2. Wang pendahuluan tawaran hendaklah dijelaskan sebanyak \$50.00 (lima puluh ringgit sahaja) ke Bahagian Kewangan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei tingkat per-

tama Bilik No. 202 pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka hingga hari Sabtu 18hb Jun 1983, jam 3.00 petang. 3. Pemborong-pemborong yang berminat hendaklah mendapatkan penerangan-penerangan yang lebih lanjut mengenai perkara ini, maka Guru Besar Sekolah Ugama yang berkenaan bolehlah dihubungi.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang telah ditetapkan tidak akan dilayan. 5. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran-tawaran yang mahal atau seumpamanya.



TENDER No. 40/1983

EMU SPARES (MISCELLANEOUS MT ITEMS COLE AND TOYOTA)

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed).
4. Deposits of \$300.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the earth filling and levelling work on the hatchery site at Mentiri Agricultural Station.

2. Details could be obtained and site inspection could be arranged by contacting the Agricultural Officer (Livestock), Veterinary Clinic, Bandar Seri Begawan (Tel. No: 22296).

3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked "Department of Agriculture — Earth filling and levelling work — Confidential" to the Chairman, Tenders Board, Brunei, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 20th June 1983.

4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 20th June 1983 for the

SUPPLY OF FARM MACHINERY SPARE PARTS (MISCELLANEOUS).

to the Department of Agriculture, Brunei.

2. General Conditions of the Tender and Documents are obtainable from Agricultural Officer (Engineering), at the Agricultural Workshop, Kilanas, Mile 10, Jalan Tutong, Tel. No. : 61352/353/354.

3. Approximate date of delivery to Agricultural Workshop, Kilanas must be stated.

4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked:—

CONFIDENTIAL—SUPPLY OF FARM MACHINERY SPARE PARTS (MISCELLANEOUS) AGRICULTURE DEPARTMENT.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

LISTS OF MACHINES

1. Caterpillar D6C Tracklayer
2. JCB Excavator Loader
3. Class Combine Harvester
4. Massey Ferguson Tractor
5. FORD Tractor
6. Yanmar Tractor
7. Yanmar Powertiller
8. Kubota Powertiller
9. Yanmar RS1500KK Rotavator
10. Howard Rotavator
11. Howard Rotaslasher
12. Lister Engine (6" Seltorque Pump and 4" Spate pump)
13. Petter Engine (3" Spate Pump)
14. Perkins Engine (6" Spate Pump)
15. Beaver Mowing Machine
16. Hayter Mowing Machine
17. Masport Mowing Machine
18. Stihl SG.17 Mistblower
19. Stihl Chainsaw
20. Kioritz DM-9 Mistblower
21. Homelite Chainsaw

VEHICLES

22. Toyota Land Cruiser (Station Wagon and Pick-Up)
23. Nissan Patrol (Station Wagon and Pick-Up)
24. Suzuki Jeep
25. Isuzu Truck
26. Hino Truck
27. Bedford Truck
28. Fuso Truck
29. Toyota Dyna Pick-Up
30. Daihatsu V-32H Pick-Up
31. Mazda E2000 Pick-Up
32. Mc Connel P.A. 22
33. Mc Connel P.A. 8
34. Outboard Engines Viz Tohatsu, Johnson, Mariner and Yamaha.

ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT — TENDER NOT

TENDER No. 41/1983 MISCELLANEOUS MT SPARES.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed).
4. Deposit not required.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 42/1983 MEIJI COMPRESSOR

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated

February 1983 are to apply. 2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983. 3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed). 4. Deposit not required. 5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 43/1983 ELECTRICAL EQUIPMENT (AIR WING)

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed).
4. Deposit not required.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 44/1983 VW ENGINE

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.
3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays, 0730 to 1130 Fridays, Saturdays and Sundays closed).
4. Deposit not required.
5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 45/1983 MISCELLANEOUS SPARES EMU

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.
2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated

KENYATAAN JUALAN LELONG

DENGAN ini dimaklumkan bahawa jualan lelong barang-barang emas yang tidak ditebus akan diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Bandaran, Brunei pada hari Khamis 2hb Jun 1983 jam 9.30 pagi.

AUCTION SALE

NOTICE is hereby given that an auction sale of unredeemed pawn shop articles will be held at the Conference Room of Municipal Department, Bandar Seri Begawan, Brunei on Thursday 2nd June, 1983 commencing at 9.30 a.m.

TAWARAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Rasuah, Brunei

Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan-kelayakan yang disebutkan di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 (tiga) tahun boleh dipertimbangkan.

Tugas tugas :
Selain daripada menjadi Telefon Operator/Penyambut Tetamu, calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

PEMBERSEH PEJABAT:
F 1-2-3 EB. 4 — \$350-\$520 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.
 - Boleh membaca dan menulis.
 - Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.
- Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan ini mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan sijil-sijil tidak lewat dari 11hb Jun, 1983.

(E/274/62/3)
Bil: 103/1983)

NOTICE TENDER DEPARTMENT EDUCATION SECTION

Bandar Seri Begawan, Brunei.
Tenders must be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked:

TENDER FOR EQUIPMENT FOR PUSAT LATIHAN TEKNIKAL BRUNEI AND JEFRI BOLKIAH SCHOOL OF ENGINEERING.

Any tender not properly addressed or received after the stipulated time and date will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TAWARAN

300 petang.
3. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran adalah diminta menyertakan kata-kata "alat-alat tersebut (bahagian alat-alat yang ada dalam katalog) serta menyatakan buktinya yang berikut:—
a) Tarikh sampai ke Brunei
b) Harga alat-alat tersebut
c) Lain-lain hal jika ada.
4. Butir-butir dan borang tawaran serta penerangan-penerangan lebih lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi dari Pengetua Sekolah Menengah Ugama Arab Perempatan Raja Isteri Perempatan Anak Damit di Batu 3, Jalan Tutong, Brunei.
Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
Kerajaan tidak akan menerima tawaran yang diserahkan kepada pihak lain atau sebaliknya.

TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

No. 40/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF GRAVEL RAKES 16T OR 14T WITH HANDLE 4'6"/5' LONG.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat boleh dilihat diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 41/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF "NORITAKE" MELAMINE WARE COL-OUR 1000.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat boleh dilihat diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

TAWARAN MEMBEKALKAN KASUT UNTUK PEGAWAI2 IMIGERESAN SEMUA PERINGKAT

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Brunei Tingkat Bawah Bangunan Jabatan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13hb Jun, 1983 bagi membekal:—

SEBANYAK LEBIH KURANG 400 PASANG KASUT KULIT BERWARNA HITAM BERBAGAI-BAGAI "SIZE" UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGERESAN SEMUA PERINGKAT BAGI SEPANJANG TAHUN 1983 DAN 1984.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga bagi sepasang kasut termasuk cukai Kastam, jika berkenaan dan perbelanjaan menghantar ke Ibu Pejabat Imigresen, Bandar Seri Begawan. Buat

No. 42/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF RESPIRATORS FOR CHLORINE OPERATIVES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh dilihat diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

No. 43/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20hb Jun 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF HYDROLOGICAL EQUIPMENT (HYDROLAB).

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh dilihat diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.
- Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bone-fide tender).
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

BIL. 188 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN TIRAI JENDALA UNTUK JABATAN PELAJARAN, KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN DAN ODIT DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Bersatu, 148, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9hb Jun 1983.
Tarikh tutup: 13hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL. 189 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

PEMBEKALAN DAN PEMASANGAN PAPAN-PAPAN TANDA UNTUK JABATAN PELAJARAN, KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN DAN ODIT DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Akitek Bersatu, 148, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9hb Jun 1983.
Tarikh tutup: 13hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: \$500.00.

BIL. 190 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: BANGSAL BAHARU UNTUK PENERBANGAN 'C' PERKHEMAHAN ASKAR UDARA. SERIA. (New Hangar for 'C' Flight Army Camp, Seria).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16hb Jun 1983.
Tarikh tutup: 20hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: \$1,000.00.

BIL. 191 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN PADANG PERMAINAN DI SEKOLAH PUSAR ULAK, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9hb Jun 1983.
Tarikh tutup: 13hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL. 192 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN 12 UNIT RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN 12 UNIT BARIK STANDARD DI ISTANA EDINBURGH, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9hb Jun 1983.
Tarikh tutup: 13hb Jun 1983.
Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan untuk membekalkan yang berikut:—

- Kotak-Kotak Almari Aluminium Spool Filem untuk 35mm.
- 1 buah 35mm Jacket Reader Filler NB 3500 Bell and Howell.
- 14 buah Almari tahan api jenis KASO ME-CROFILM COUNTRY OF ORIGIN HELSINKI MODEL KF 2 "D".

2. Keterangan-keterangan lanjut (specification) bagi alat-alat tersebut boleh didapati daripada Pengarah Muzium-Muzium, Brunei pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang tertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti pembekal dan sampul surat itu mestilah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan dengan terang me-

nyatakan "MEMBEKALKAN ALAT-ALAT KEPERLUAN JABATAN MUZIUM BRUNEI. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 27hb Jun 1983.

4. Pembekal-pembekal adalah dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak \$300.00 ke Jabatan Muzium Brunei, Jalan Kota Batu, Brunei sebelum mengemukakan tawaran.

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) jenis alat yang ditawarkan berserta dengan butir-butir berikut:—
a) Tarikh sampai.
b) Harga alat-alat tersebut termasuk cukai masuk.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah ketika menyampaikan piala kejohanan kepada juara Bintang Kecil 83 Ak Sofian bin Pg. Anak Hashim.

Ak Sofian Menangi Bintang Kecil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ak Sofian bin Pg Anak Hashim telah muncul sebagai johan Bintang Kecil 1983.

Ak Sofian yang mendapat markah 79 peratus telah berjaya mengalahkan sembilan peserta lain dalam Pertandingan Akhir yang diadakan di Dewan Raya RTB pada 27hb Mei yang lalu. Pertandingan tersebut disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen.

Naib johan dalam pertandingan yang dianjurkan oleh Radio Televisyen itu disandang oleh johan tahun lalu, Raezah binte Md Zain dengan mendapat markah 78 peratus. Sementara pemenang ketiga ialah Ak Saiful Rizal Malek Faisal bin Pg Merali. Ak Saiful Rizal mendapat 77 peratus.

Johan Bintang Kecil

menerima hadiah wang tunai \$1,000.00 di samping Oskar Rebutan dan beberapa buah oskar iringan.

Naib johan memenangi hadiah wang tunai sebanyak \$700.00 dan oskar iringan dan pemenang ketiga juga menerima wang tunai sebanyak \$500.00 dan oskar iringan.

Pertandingan akhir pada malam itu diserikan dengan nyanyian seorang artis kanak-kanak dari Indonesia Puput Novel dan persembahan-persembahan tarian oleh peserta-peserta bengkel kanak-kanak RTB.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah telah berkenan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang dan peserta-peserta pertandingan.

Perlu tanggungjawab dalam semua tugas

BANGAR. — Pegawai Kerajaan hendaklah bersifat jujur, amanah dan penuh bertanggungjawab kepada apa jua tugas yang diamanahkan kepada mereka untuk memikulnya.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abd. Aziz bin Muhammad berkata sifat-sifat seumpama itu akan menjadi contoh tauladan kepada pegawai-pegawai bawahan dan "orang ramai akan menghormati dan menaruh kepercayaan serta mempunyai perasaan awar-galat kepada kita," tambahnya.

Beliau berucap selaku tetamu kehormat sempena sambutan Israk dan Mekraj yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama bertempat di Dewan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei

cawangan Temburong baru-baru ini.

Katanya kewajipan ber-dakwah bukan hanya dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama ataupun guru-guru agama dan alim-ulama kerana kewajipan untuk mengembangkan syiar Islam adalah kewajipan orang-orang Islam semua.

Awang Abd. Aziz mengingatkan kembali tentang titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam mewujudkan satu sistem pentadbiran yang efisien, jujur dan amanah. Katanya, usaha-usaha dalam mencapai matlamat tersebut tidak akan tercapai jika ada di antara kakitangan Kerajaan yang mengamalkan sikap negatif dan kurang produktif.

Awang Abd. Aziz bin Muhammad Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Sikap bahnya dengan bertang apa jua pu lebih lagi pu h kem kita akan semula luar nega

Tanggungjawab antarabangsa

Dari muka 1

akan berakhir pada 31hb, Disember 1983.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyatakan mulai 1hb, Januari 1984 Brunei akan mengambil alih semula dengan secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka dan perayaannya akan diadakan lebih kurang 4 minggu kemudian iaitu pada hari Khamis 2hb, Februari 1984.

Terdahulu dalam ucapannya itu Yang Amat Berhormat menyatakan harapannya supaya diteruskan usaha-usaha menimbulkan kesedaran yang mendalam untuk membiasakan diri kita masing-masing men-

jalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan memuaskan demi mengangkat martabat masyarakat dan negara.

"Tugas dan tanggungjawab bukan lagi setakat melaksanakannya, bahkan yang memuaskan dan berkesempurnaan di sisi pandangan manusia, serta mendapat keredaan Allah," jelas Yang Amat Berhormat.

Tanggungjawab dan cabaran kemerdekaan kata Yang Amat Berhormat mestilah kita rasa, fikirkan dan laksanakan dan bukan hanya merupakan sesuatu yang tinggal diperbincangkan.

"Adalah menjadi satu kesilapan yang amat ketara sekiranya tanggung-

jawab dan cabaran itu dianggap sebagai perkara yang mudah, atau perkara yang boleh dilepaskan serta dibebankan kepada satu-satu pihak tertentu sahaja," jelas Yang Amat Berhormat.

Bagaimanapun tambah Yang Amat Berhormat, tugas kita bukanlah semata-mata melahirkan bermacam-macam kemajuan tetapi hendaklah menentukan agar ianya selaras dengan keperibadian Brunei sebagai negara bertuah, bersultan, beradat dan beradab.

Untuk menghindarkan kesulitan dalam zaman kemerdekaan tegas Yang Amat Berhormat, kita hendaklah mengikut ajaran-ajaran yang terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

"Kita kepada yang lebih tuk mema ajaran Al kitab suc Yang Am mengingka

Di zama nanti kua Berhorma I menentu negara k sedikit pan menerima ganguan difikirkan merosakan hidup nega dengan c pastikan terus-men hasrat k Maha M m e p keselama ketentera

Jangan mudah terpengaruh

Dari muka 1

Pegawai Hal Ehwal Ugama. Sementara Y.D.M Pehin Udana Khatib Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar pula telah menyampaikan satu syarahan khas. Majlis malam itu juga diserikan dengan lagu-lagu nasyid.

Untuk menyempurnakan penghakiman pertandingan tersebut jawatankuasa pertandingan telah melantik sebelas orang hakim termasuk dua orang yang di datangkan dari negara jiran iaitu Ustaz Sahrudin bin Haji Ahmed dari

Malaysia dan Kiayai Haji Mohammad Sayid Assiry bin Ahmad dari Indonesia.

Seramai lima orang qari dan lima orang qariah telah bertanding yang berakhir dengan keputusan johan qari disandang oleh Haji Awang Damit bin Haji Kawang yang berjaya meraih mata kemenangan sebanyak 86.33 peratus. Peserta dari daerah Brunei Muara ini pernah beberapa kali menjadi johan dalam pertandingan sedemikian ini dan pernah mewakili Brunei ke peringkat antarabangsa yang berlangsung di Kuala Lumpur. Beliau menerima wang tunai \$2000.00

sebuah piala pusingan, piala iringan dan sijil.

Menduduki tempat kedua pula ialah Awang Mohd. Daud bin Abd. Kadir yang berhasil memungut mata sebanyak 84.66 peratus, menerima wang tunai \$1,500.00 dan piala iringan. Beliau bertugas sebagai guru agama dan masih baru dalam arena pertandingan tersebut. Pemenang ketiga pula hanya berjaya mengutip markah 82.57 peratus beliau ialah Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemenang ketiga ini menerima wang tunai sebanyak \$1,000.00 dan piala iringan.

Dayang Hajjah Masni bte Abd. Manaf pula telah diisytiharkan sebagai johan qariah tahun ini. Beliau memang sudah berpengalaman dalam bidang pembacaan Al-Quran dan sudah beberapa kali menjadi johan dan pernah menyandang tempat ketiga di peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur. Kali ini beliau dapat mengumpul mata sebanyak 89 peratus.

Berada di tangga kedua, seorang penuntut di MMPBS Sekolah Sain baru berumur 19 tahun, Dayang Zainab bte Haji Mohd. Salleh pendatang baru arena ini yang sudah menampakan 'sisik

jaguh'nya. Beliau memperoleh mata kemenangan sebanyak 84.5 peratus. Menduduki tempat ketiga ialah seorang guru yang sudah lama berkecimpung, tetapi nampaknya kali ini nasib tidak menyebelahi beliau untuk menjadi juara. Baccan beliau hanya menghasilkan 82.16 peratus. Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris juga pernah mewakili Negeri ini ke peringkat antarabangsa di samping beberapa kali menjadi johan qariah peringkat negeri. Pemenang-pemenang qariah juga menerima hadiah yang sama seperti di atas.

Tema pertandingan

tahun ini satu jalan pertolongan pembelaan dan ak "Dapatka dan pen dengan ber secara la radio dan Brunei.

Di akta Paduka Seri Perdana Himmah Pengiran Bolkiyah Sultan menyempena penyampaian hadiah kepa ta.